

JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN
PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

SABAH

TAHUN 2018



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI SABAH
TAHUN 2018**

Jabatan Audit Negara Malaysia

The background features a teal grid pattern in the upper half and abstract wavy shapes in shades of teal, blue, and grey in the lower half.

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
--------------------	-----

RINGKASAN EKSEKUTIF	xi
----------------------------	----

BAHAGIAN I PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	1 - 5

BAHAGIAN II ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 4
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 7
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 22
Akaun Amanah Disatukan	2 - 22
Penyata Akaun Memorandum	2 - 41
Nota Kepada Penyata Kewangan	2 - 48
Rumusan Audit	2 - 50
Syor Audit	2 - 51

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Pendahuluan	3 - 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 6
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 7
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 10
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 12
Rumusan Audit	3 - 27
Syor Audit	3 - 28

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	4 - 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	4 - 4

PENUTUP

5 - 3

LAMPIRAN

Lampiran I	- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	6 - 3
Lampiran II	- Pernyataan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Bendahari Negeri Sabah	6 - 7
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	6 - 8
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	6 - 9
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	6 - 10
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	6 - 11
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	6 - 12

AKRONIM

7 - 3

The background features a teal grid pattern in the upper half. The lower half is composed of several overlapping, wavy, organic shapes in various shades of teal, blue, and grey, creating a layered, water-like effect.

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah pula akan menyebabkan Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sabah tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:

- i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
- ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
- iii. Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri;
- iv. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri; dan
- v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan kerajaan negeri Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen kewangan yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Oktober 2019



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun persekutuan dan negeri.
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.
- Analisis yang dibuat adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sabah secara menyeluruh pada akhir tahun 2018, di samping membantu kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

Apa yang ditemui Audit?

**BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah kukuh. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM970.89 juta atau 34.6% kepada RM3.774 bilion pada tahun 2018 berbanding RM2.803 bilion pada tahun 2017.
- Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih berjumlah RM62.57 juta pada tahun 2018. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM271.80 juta atau 7% kepada RM4.158 bilion berbanding RM3.887 bilion pada tahun 2017.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2018 adalah baik iaitu sejumlah RM851.53 juta atau 73.9% telah dibelanjakan berbanding RM1.152 bilion peruntukan yang diluluskan. Daripada 6,096 jumlah projek yang dirancang, 5,580 projek atau 91.5% telah siap sepenuhnya, sebanyak 364 projek atau 6% projek sedang dilaksanakan dan 152 projek atau 2.5% masih belum dimulakan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM47.30 juta atau 4.1% daripada RM1.155 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.202 bilion pada tahun 2018. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM187.39 juta atau 30.5% daripada RM802.32 juta pada tahun 2017 kepada RM614.93 juta pada tahun 2018.
- Jumlah hutang awam menurun sejumlah RM77.57 juta atau 2% menjadi RM3.794 bilion berbanding RM3.871 bilion pada tahun 2017. Tiada Tunggakan bayaran balik hutang awam oleh kerajaan negeri pada tahun 2018.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Sebanyak 44 daripada 45 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit.

- Tiga puluh empat daripada 44 Penyata Kewangan tahun 2018 telah disahkan. Tujuh (7) penyata kewangan BBN dan 15 penyata kewangan PBT diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran. Dua (2) penyata kewangan BBN dan lima (5) penyata kewangan PBT diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*. Dua (2) penyata kewangan BBN, satu (1) penyata kewangan MAI dan dua (2) penyata kewangan PBT telah diberi Pendapat Berteguran. Bagi enam (6) penyata kewangan BBN, satu (1) penyata kewangan MAI dan tiga (3) penyata kewangan PBT masih belum disahkan.
- Berdasarkan 11 penyata kewangan BBN, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 adalah baik berbanding tahun 2017.
 - Pada akhir tahun 2018, lebih pendapatan terkumpul BBN meningkat sejumlah RM100.30 juta atau 9.5%, jumlah aset meningkat sejumlah RM163.72 juta atau 3.3%, aset semasa bersih meningkat sejumlah RM26.22 juta atau 0.7% dan lebih pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa meningkat sejumlah RM68.53 juta atau 123.9% berbanding tahun 2017.
 - Pada 31 Disember 2018, 16 daripada 45 anak syarikat di bawah 11 BBN dan MAI telah mendapat lebih terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM518.93 juta. Sebanyak 29 anak syarikat menunjukkan defisit terkumpul keseluruhannya berjumlah RM340.50 juta.
- Berdasarkan 22 penyata kewangan PBT, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti berikut:
 - sebelas PBT mencatatkan lebih berjumlah RM16.28 juta pada tahun 2018. Sebelas (11) PBT yang lain pula mencatatkan defisit berjumlah RM12.90 juta. Tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM6.61 juta atau 4.7% daripada RM140.98 juta pada tahun 2017 menjadi RM147.59 juta pada tahun 2018.



BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SABAH**
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

01.01.2018 - 31.12.2018 tahun kewangan kerajaan negeri	31 Julai 2019 tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	31 Januari 2019 tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	• Penyata Kedudukan Kewangan • Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai • Penyata Prestasi Kewangan • Penyata Akaun Memorandum • Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata kewangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada **31 Januari 2019**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan berdasarkan asas perakaunan tunai ubah suai bagi tahun 2018 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Tahun 2018 adalah selaras dengan format yang ditetapkan dalam Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2012).

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh kerajaan negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2018. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti kerajaan negeri yang boleh dilupuskan atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan. Memorandum Aset merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Perbelanjaan Pembangunan. Memorandum Liabiliti terdiri Hutang Awam yang meliputi semua Pinjaman Dalam dan Luar Negeri termasuk hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan Bon Terbitan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.


2.2. Pengauditan terhadap dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Teguran mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Bendahari Negeri dan kementerian/jabatan negeri melalui surat pengurusan Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. *Pre Exit Conference* bersama YBhg. Datuk Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Ketua-Ketua Jabatan telah diadakan pada 22 April 2019. Manakala *Exit Conference* bersama YBhg. Datuk Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Bendahari Negeri Sabah telah diadakan pada 3 Mei 2019.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan penyata kewangan meliputi pemeriksaan terhadap rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2018 yang disertakan bersama dengan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

The background features a teal grid pattern in the upper half and abstract wavy shapes in shades of teal, blue, and grey in the lower half.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA PRESTASI KEWANGAN NEGERI

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN	↑ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2018 - RM4.158 bilion	2018 - RM3.774 bilion	2018 - RM1.202 bilion
2017 - RM3.887 bilion	2017 - RM2.803 bilion	2017 - RM1.155 bilion
BELANJA ↑	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN ↑
2018 - RM4.096 bilion	2018 - RM0	2018 - RM6.664 bilion
2017 - RM3.830 bilion	2017 - RM0	2017 - RM6.577 bilion
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2018 - (RM85.85 juta)	2018 - RM3.794 bilion
	2017 - (RM994.17 juta)	2017 - RM3.871 bilion

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah tahun 2018, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan. Analisis Audit dibuat terhadap penyata kewangan berdasarkan data/dokumen dan rekod yang dihasilkan melalui Sistem *Main Account* serta dokumen kewangan lain yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan kerajaan negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam pinjaman dan

bantuan dalam negeri, terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah.

3.1. Pada tahun 2018, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan lebih sejumlah RM166.02 juta, iaitu meningkat sejumlah RM16.56 juta atau 11.1% berbanding sejumlah RM149.46 juta pada tahun 2017.

3.2. Terimaan hasil kerajaan negeri yang ditunjukkan pada Penyata Prestasi Kewangan adalah termasuk terimaan dalam Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM154.98 juta. Terimaan hasil pada tahun 2018 berjumlah RM4.313 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM136.44 juta atau 3.3% berbanding terimaan hasil berjumlah RM4.177 bilion pada tahun 2017.

3.3. Perbelanjaan mengurus juga meningkat sejumlah RM265.89 juta atau 8.8% kepada RM3.296 bilion pada tahun 2018 berbanding RM3.030 bilion pada tahun 2017.

3.4. Perbelanjaan pembangunan pula menurun sejumlah RM146.01 juta atau 14.6% menjadi RM851.53 juta pada tahun 2018 berbanding RM997.54 juta pada tahun 2017. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
HASIL	4,313.83	4,177.39	136.44	3.3
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	3,296.28	3,030.39	265.89	8.8
Perbelanjaan Pembangunan	851.53	997.54	-146.01	-14.6
LEBIHAN/DEFISIT	166.02	149.46	16.56	11.1
DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	68.17	220.34	-152.17	-69.1
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	23.88	1.06	22.82	2,152.8
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	73.97	-71.94	145.91	-202.8
JUMLAH	166.02	149.46	16.56	11.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2018, baki Kumpulan Wang Disatukan telah meningkat sejumlah RM970.89 juta atau 34.6% kepada RM3.774 bilion berbanding RM2.803 bilion pada tahun 2017. Antara punca peningkatan ini adalah seperti berikut:

- a. Akaun Hasil Disatukan memperoleh lebih berjumlah RM62.57 juta;
- b. baki debit Kumpulan Wang Pembangunan menurun sejumlah RM103.45 juta atau 4.1%; dan
- c. baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sejumlah RM833.78 juta atau 103.1% berikutan pertambahan dana dalam Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas bagi Bon Terbitan sejumlah RM408.28 juta atau 202.1% dan Akaun Wang Amanah Pelbagai sejumlah RM425.50 atau 52.6% pada tahun 2018.

Peningkatan baki
Kumpulan Wang Disatukan
RM970.89 juta

Lebih Akaun Hasil
Disatukan
RM62.57 juta

Peningkatan baki Akaun
Amanah Disatukan
RM908.32 juta

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	3,860.04	3,797.47	62.57	1.6
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
	Akaun Amanah Disatukan	-85.85	-994.17	908.32	-91.4
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:				
	• Kumpulan Wang Pembangunan	-2,407.63	-2,511.08	103.45	-4.1
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	153.66	113.37	40.29	35.5
	• Akaun Kena Bayar	128.42	215.23	-86.81	-40.3
3.	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	1,642.43	808.65	833.78	103.1
	iii) Deposit	397.27	379.66	17.61	4.6
	JUMLAH	3,774.19	2,803.30	970.89	34.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 hingga 2018

5. WANG AWAM

5.1. WANG TUNAI DAN PELABURAN

5.1.1. Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank. Wang Tunai pada tahun 2018 menunjukkan peningkatan berjumlah RM305.53 juta atau 104.2% menjadi RM598.76 juta berbanding sejumlah RM293.23 juta pada tahun 2017. Kedudukan Wang Tunai pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
WANG TUNAI PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	WANG TUNAI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	597.96	292.55	305.41	104.4
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.80	0.68	0.12	17.6
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.00	0.00	0.00	0.0
JUMLAH		598.76	293.23	305.53	104.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

5.1.2. Pelaburan kerajaan negeri adalah dalam bentuk simpanan tetap dan deposit dengan institusi kewangan yang diluluskan. Pelaburan yang dibuat adalah daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan diambil kira pada nilai buku. Pelaburan terdiri daripada deposit dengan bank perdagangan tempatan dan Perbadanan Pembangunan Borneo

Sdn. Bhd. masing-masing berjumlah RM3.173 bilion dan RM2.16 juta. Pelaburan pada akhir tahun 2018 berjumlah RM3.175 bilion iaitu meningkat sejumlah RM665.38 juta atau 26.5% berbanding baki RM2.510 bilion pada tahun 2017. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah menerima faedah daripada pelaburan simpanan tetap berjumlah RM129.17 juta. Kedudukan pelaburan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

Pelaburan 2018
RM3.175 bilion

Peningkatan pelaburan
RM665.38 juta

Faedah pelaburan simpanan tetap
RM129.17 juta

JADUAL 4
PELABURAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	PELABURAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bank Perdagangan Tempatan	3,173.28	2,508.00	665.28	26.5
2.	Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd.	2.16	2.06	0.10	4.9
JUMLAH		3,175.44	2,510.06	665.38	26.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 (a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan mencatatkan lebihan sejumlah RM62.57 juta, iaitu meningkat sejumlah RM5.91 juta atau 10.4% berbanding lebihan pada tahun 2017 yang berjumlah RM56.66 juta seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI KEWANGAN AKAUN HASIL
DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	3,797.47	3,740.81	56.66	1.5
Hasil	4,158.85	3,887.05	271.80	7.0
Perbelanjaan Mengurus	4,096.28	3,830.39	265.89	6.9
Lebihan	62.57	56.66	5.91	10.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	3,860.04	3,797.47	62.57	1.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6.3. Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6**. Baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

JADUAL 6
PRESTASI AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	3,635.21	3,672.83	3,674.23	3,740.81	3,797.47
Hasil	4,541.53	3,513.55	3,442.61	3,887.05	4,158.85
Perbelanjaan Mengurus	4,503.91	3,512.15	3,376.03	3,830.39	4,096.28
Lebihan	37.62	1.40	66.58	56.66	62.57
BAKI PADA 31 DISEMBER	3,672.83	3,674.23	3,740.81	3,797.47	3,860.04

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 hingga 2018

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan Negeri Sabah dikategorikan kepada tiga (3) jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2018 adalah lebih tinggi berbanding anggaran disemak sejumlah RM129.14 juta atau 3.2% seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN YANG DISEMAK

BIL.	BUTIRAN HASIL	ANGGARAN DISEMAK (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	1,082.91	1,060.09	-22.82	2.1
2.	Hasil Bukan Cukai	2,541.91	2,682.20	140.29	5.5
3.	Terimaan Bukan Hasil	404.89	416.56	11.67	2.9
JUMLAH		4,029.71	4,158.85	129.14	3.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018

6.4.2. Pada tahun 2018, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri berjumlah RM4.159 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM271.80 juta atau 7% berbanding kutipan hasil pada tahun 2017 yang berjumlah RM3.887 bilion. Hasil Cukai telah menurun sejumlah RM184.69 juta atau 14.8% menjadi RM1.060 bilion berbanding RM1.245 bilion pada tahun 2017. Bagaimanapun, Hasil Bukan Cukai telah meningkat sejumlah RM440.94 juta atau 19.7% menjadi RM2.682 bilion berbanding RM2.241 bilion pada tahun 2017. Kutipan Terimaan Bukan Hasil juga meningkat sejumlah RM15.55 juta atau 3.9% kepada RM416.56 juta berbanding RM401.01 juta pada tahun 2017. Peningkatan dan penurunan hasil pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

Kutipan hasil pada tahun 2018

RM4.159 bilion

Peningkatan kutipan hasil

RM271.80 juta

Royalti petroleum
penyumbang utama kutipan hasil

RM1.607 bilion

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	1,060.09	1,244.78	-184.69	-14.8
2.	Hasil Bukan Cukai	2,682.20	2,241.26	440.94	19.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	416.56	401.01	15.55	3.9
JUMLAH		4,158.85	3,887.05	271.80	7.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6.4.3. Penyumbang utama hasil kerajaan negeri adalah terdiri daripada Royalti Petroleum, Cukai Jualan, Hasil Tanah, Hasil Air dan Hasil Hutan. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM3.301 bilion atau 79.4% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2018 berbanding kutipan berjumlah RM3.068 bilion atau 78.9% dalam tahun 2017 seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
SUMBANGAN UTAMA KE ATAS HASIL KUTIPAN
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018		2017	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Royalti Petroleum	1,606.63	38.6	1,246.44	32.1
2.	Cukai Jualan	928.10	22.3	1,116.85	28.7
3.	Hasil Tanah	312.82	7.5	267.19	6.9
4.	Hasil Air	258.32	6.2	236.44	6.1
5.	Hasil Hutan	195.11	4.7	200.99	5.2
JUMLAH		3,300.98	79.4	3,067.91	78.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6.4.4. Analisis justifikasi peningkatan hasil yang ketara terhadap lima (5) butiran hasil pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 mendapati peningkatan adalah antara 10.5% hingga 2,152.8%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
JUSTIFIKASI PENINGKATAN LIMA (5) HASIL YANG
KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Bukan Cukai – Perolehan daripada Pemindahan Pinjaman kepada Kumpulan Wang Badan Berkanun dan Lain-Lain (Jabatan Bendahari Negeri Sabah)	23.88	1.06	22.82	2,152.8	Had siling Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan Berkanun dan Lain-Lain adalah RM30 juta. Peningkatan bayaran balik pinjaman oleh agensi kerajaan dalam tahun 2018 menyebabkan baki melebihi siling RM30 juta dan dipindahkan sebagai perolehan.

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
2.	Hasil Bukan Cukai – Faedah dari Pinjaman kepada Badan Berkanun (Jabatan Bendahari Negeri Sabah)	17.52	4.04	13.48	333.7	Pada tahun 2018, bayaran faedah diterima daripada agensi berjumlah RM17.53 juta berbanding RM4.04 juta pada tahun 2017. Sebanyak tiga (3) agensi membuat bayaran faedah iaitu SAFMA sejumlah RM14.95 juta, SEDCO sejumlah RM1.73 juta dan Perbadanan Pinjaman Sabah sejumlah RM844,437.
3.	Hasil Bukan Cukai – Royalti Petroleum (Kementerian Kewangan Negeri Sabah)	1,606.63	1,246.44	360.19	28.9	Pada tahun 2018, pengeluaran minyak meningkat sebanyak 9%. Pengeluaran minyak mentah bagi penerimaan royalti pada tahun 2018 adalah 104 juta se tong berbanding 95 juta pada tahun 2017. Selain itu, kenaikan harga purata minyak mentah kira-kira 29% daripada USD 53 pada tahun 2017 kepada USD 68 pada tahun 2018 turut menyumbang peningkatan royalti. Ditambah pula dengan harga purata gas asli yang turut meningkat kira-kira 19%.
4.	Hasil Cukai – Cukai Jualan atas Penjualan Melalui Mesin Slot (Kementerian Kewangan Negeri Sabah)	19.44	15.28	4.16	27.2	Peningkatan disebabkan oleh kenaikan kadar cukai, iaitu daripada 10% kepada 15%. Kenaikan kadar tersebut dibuat melalui Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2017 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.
5.	Hasil Bukan Cukai – Pelbagai Jualan Air (Jabatan Air)	252.32	228.42	23.90	10.5	Peningkatan disebabkan oleh tindakan Jabatan Air Negeri Sabah yang telah mengadakan operasi pemotongan bekalan air tertunggak secara besar-besaran di seluruh daerah di Negeri Sabah.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6.4.5. Analisis justifikasi penurunan hasil yang ketara terhadap lima (5) butiran hasil pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 mendapati penurunan adalah antara 5.7% hingga 89.5%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
JUSTIFIKASI PENURUNAN LIMA (5) HASIL YANG
KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Bukan Cukai – Faedah dari Pinjaman kepada Perbadanan Awam (Jabatan Bendahari Negeri Sabah)	2.11	20.11	-18.00	-89.5	Pada tahun 2018, hanya dua (2) agensi membuat bayaran faedah atas pinjaman iaitu KKIP sejumlah RM1.49 juta dan Borneo Development Corporation sejumlah RM615,943 berbanding faedah yang diterima pada tahun 2017 sejumlah RM20.11 juta.
2.	Hasil Bukan Cukai – Pelbagai Hasil Air (Jabatan Air)	3.66	6.12	-2.46	-40.2	Sebahagian besar kutipan hasil di bawah kod ini diperoleh daripada bayaran 15% kos bahan mentah dan buruh yang dibayar oleh pemaju perumahan atas kerja perkhidmatan penyambungan paip untuk bekalan air ke perumahan. Pada tahun 2018, permohonan perkhidmatan penyambungan paip yang diterima daripada pemaju perumahan adalah kurang dan ini menyumbang kepada penurunan kutipan hasil di bawah kod akaun tersebut.
3.	Hasil Bukan Cukai – Jualan Sarang Burung (Jabatan Hidupan Liar)	15.10	20.57	-5.47	-26.6	Bilangan kontraktor sarang burung berkurangan kerana syarat untuk mendapat kontrak jualan sarang burung dikesatkan. Ini menyumbang kepada penurunan hasil jualan sarang burung dalam tahun 2018.
4.	Hasil Cukai – Cukai Jualan atas Minyak Kelapa Sawit (Kementerian Kewangan Negeri Sabah)	845.36	1,038.64	-193.28	-18.6	Penurunan harga purata minyak sawit mentah MPOB kira-kira 19.7% daripada RM2,825.21 pada tahun 2017 kepada RM2,267.46 pada tahun 2018. Selain itu, penjualan minyak sawit mentah juga menurun sebanyak 0.5% daripada 4.94 juta MT pada tahun 2017 kepada 4.91 juta MT pada tahun 2018.
5.	Hasil Bukan Cukai – Royalti dan Bayaran Keluaran Hutan (Jabatan Perhutanan)	144.61	153.38	-8.77	-5.7	Penurunan disebabkan oleh pengharaman eksport balak berkuat kuasa pada 23 Mei 2018 oleh kerajaan negeri. Oleh itu, kadar royalti balak yang dieksport adalah lebih tinggi berbanding kadar royalti balak untuk pemprosesan tempatan. Selain itu, pengeluaran balak bagi tahun 2018 adalah lebih rendah, iaitu 1.3 juta m3 berbanding 1.5 juta m3 pada tahun 2017.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6.4.6. Hasil Lesen

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 3, Kehilangan bermaksud kehilangan termasuk Wang Awam dan Aset Awam disebabkan oleh kecurian, kebakaran, kemalangan, bencana alam, kesusutan, penipuan atau kecuaiian pegawai, kekurangan, bayaran terlebih, pembayaran tanpa kuasa, hutang yang tidak boleh didapatkan balik, hasil yang tidak boleh didapatkan dan perbelanjaan yang sia-sia. Manakala AP 322 (a)(i) menetapkan Pegawai Pengawal hendaklah memohon pendahuluan diri apabila sesuatu kehilangan wang tunai dapat dipastikan atas menggantikan wang yang hilang. AP 322 (b) pula menyebut pendahuluan itu hendaklah diselaraskan selepas kelulusan hapus kira telah diperoleh.
- b. Pada akhir tahun 2018, hasil yang diterima bagi lesen lain di bawah kod 71199 adalah berjumlah RM326,724. Semakan Audit dalam tahun 2018 mendapati berlaku kehilangan wang bagi terimaan lesen di Pejabat Daerah Kinabatangan sejumlah RM140,575 pada tahun 2017 dan di Pejabat Daerah Putatan sejumlah RM24,410 pada tahun 2016. Bagaimanapun, pendahuluan diri belum dibuat untuk menggantikan wang yang hilang. Pegawai Daerah Kinabatangan dan Pegawai Daerah Putatan hanya memohon pendahuluan diri pada 7 Mei 2019 dan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MOF) pada 8 Mei 2019 bagi mengganti wang yang hilang tersebut. Butiran mengenai kehilangan adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KEHILANGAN HASIL LESEN

KEHILANGAN HASIL LELAK				
BIL.	PEJABAT	TARIKH KEHILANGAN	TARIKH LAPORAN POLIS/TINDAKAN TATATERTIB	AMAUN (RM)
1.	Pejabat Daerah Kinabatangan	12.07.2018	20.07.2018	140,575
2.	Pejabat Daerah Putatan	07.10.2016 hingga 25.10.2016	03.10.2016	900
		22.01.2016 hingga 14.09.2016	03.10.2016	4,550
		Tiada Maklumat	03.10.2016	18,960
JUMLAH				164,985

Sumber: Pemerhatian Audit Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

6.4.7. Hasil Sewaan Bangunan

Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah menerima hasil daripada sewaan bangunan di bawah kod 74101 berjumlah RM411,774. Semakan Audit mendapati ruang niaga di Wisma Pertanian ada disewakan kepada peniaga bagi tahun berakhir

Hasil sewaan Bangunan
MAFI tidak diperakaunkan

RM320,306

tahun 2015 hingga 2018

Sewaan bangunan MAFI
tanpa perjanjian dan
kelulusan MOF

31 Disember 2018. Bagaimanapun, tiada terimaan hasil sewaan direkodkan di buku tunai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) bagi tahun 2018. Pengurusan sewaan tersebut didapati dikendalikan oleh Koperasi Pertanian dan Industri Makanan Berhad (KOTANI). Berdasarkan kod kewangan KOTANI sejumlah RM320,306 hasil sewaan bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2016

diterima dan diakaunkan oleh KOTANI. Tempoh dan amaun sebenar tidak dapat ditentukan kerana dokumen kontrak tidak dimeterai antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah dan KOTANI bagi penyewaan tersebut. Selain itu, tiada sebarang kelulusan diperoleh daripada MOF yang membenarkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah menyewakan ruang niaga kepada mana-mana pihak.

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Analisis Bajet Mengurus

- a. Pada tahun 2018, peruntukan asal yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bagi perbelanjaan mengurus berjumlah RM4.105 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM602.46 juta menjadi RM4.707 bilion. Oleh itu, peruntukan pada tahun 2018 ini telah meningkat sejumlah RM216.27 juta berbanding sejumlah RM4.491 bilion pada tahun 2017. Peruntukan perbelanjaan yang meningkat adalah bagi perbelanjaan Emolumen, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain masing-masing meningkat sejumlah RM23.45 juta, RM28.42 juta, RM90.75 juta dan sejumlah RM152.14 juta. Peruntukan bagi perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan telah menurun sejumlah RM78.49 juta atau 6.3%. Peningkatan dan penurunan peruntukan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
ANGGARAN YANG DISEMAK BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	ANGGARAN DISEMAK		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	772.48	749.03	23.45	3.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	1,160.59	1,239.08	-78.49	-6.3
3.	Aset	376.11	347.69	28.42	8.2
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	795.38	704.63	90.75	12.9
5.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,602.64	1,450.50	152.14	10.5
JUMLAH		4,707.20	4,490.93	216.27	4.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018

- b. Analisis Audit mendapati lapan (8) kementerian/jabatan memohon peruntukan tetapi tidak dibelanjakan seperti dalam **Jadual 14**. Antara faktor peruntukan tidak dibelanjakan di bawah MOF adalah disebabkan oleh vot perbelanjaan yang dipusatkan di MOF yang mana perbelanjaan adalah tertakluk kepada permohonan daripada kementerian/jabatan. Transisi kepimpinan kerajaan dalam bulan Mei 2018 turut menjadi faktor peruntukan tidak dibelanjakan. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Perindustrian serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tidak membelanjakan peruntukan tambang percuma untuk Menteri dan Pembantu Menteri kerana perkhidmatan mereka kurang daripada setahun. Selain itu, pekeliling MOF ruj. KEW/(S)500-17/3/1 KLT 2/(40) bertarikh 23 Mei 2018 berkaitan penangguhan pelaksanaan semua urusan perolehan baharu menyebabkan peruntukan tidak dibelanjakan. Antaranya perolehan kenderaan di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang tertakluk kepada kelulusan MOF.

Peruntukan dilulus tidak dibelanjakan

RM15.41 juta

8 kementerian/jabatan

JADUAL 14
PERUNTUKAN DILULUSKAN TIDAK DIBELANJAKAN PADA TAHUN 2018

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. KOD AKTIVITI/OBJEK PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJA	JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN DILULUSKAN TIDAK DIBELANJA (RM Juta)
1.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	14	10.45
2.	Jabatan Air Negeri Sabah	8	1.87
3.	Istana	2	1.12
4.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	2	0.77
5.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	2	0.69
6.	Jabatan Kerja Raya	3	0.29
7.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	1	0.10
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	1	0.12
	JUMLAH	33	15.41

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018

- c. Analisis Audit selanjutnya terhadap tujuh (7) kementerian/jabatan mendapati sebanyak 26 peruntukan tambahan/khas/viremen yang dimohon tidak dibelanjakan. Antara faktor peruntukan tambahan/khas/viremen tidak dibelanjakan di Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) adalah baucar bayaran bagi kerja kecemasan dan sebut harga telah mendapat teguran Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS)

26 peruntukan tambahan/viremen tidak dibelanjakan

RM195.53 juta

7 kementerian/jabatan

- Baucar bayaran mendapat teguran JBNS (JANS)
- Program dirancang semula selaras dengan dasar kerajaan negeri (MOF)

serta dokumen sokongan tidak lengkap menyebabkan baucar bayaran dikembalikan. Selain itu, peruntukan tambahan/khas/virement tidak dibelanjakan di bawah MOF kerana program yang dirancang telah dinilai semula selaras dengan dasar semasa kerajaan negeri. Butiran mengenai peruntukan tambahan/virement tidak dibelanjakan adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERUNTUKAN TAMBAHAN/VIREMEN TIDAK DIBELANJAKAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	JUMLAH ASAL BAJET (RM Juta)	JUMLAH BAJET TAMBAHAN (RM Juta)	JUMLAH VIREMEN (RM Juta)	JUMLAH KESELURUHAN BAJET (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	JUMLAH PERUNTUKAN TAMBAHAN/ KHAS/VIREMEN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
1.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	906.60	103.68	20.00	1,030.28	871.21	123.12
2.	Jabatan Air Negeri Sabah	113.58	81.04	1.45	196.07	149.08	35.72
3.	Jabatan Kerja Raya	6.63	24.01	0.00	30.64	18.32	11.28
4.	Istana	2.97	14.14	0.00	17.11	1.03	14.14
5.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	18.00	10.94	0.00	28.94	17.25	10.94
6.	Jabatan Ketua Menteri	0.69	0.17	0.00	0.86	0.17	0.17
7.	Kementerian pertanian dan Industri Makanan	0.22	0.16	0.00	0.38	0.11	0.16
	JUMLAH	1,048.69	234.14	21.45	1,304.28	1,057.17	195.53

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018

Belanja < 50%

51 vot peruntukan

9 kementerian/jabatan

- Kadar harga perolehan dikaji semula (JANS)
- Dokumen sokongan tidak lengkap (Perpustakaan)
- Penamatan JKKK (KPLB)
- Dokumen kontrak tidak lengkap (JKM)

d. Analisis selanjutnya terhadap sembilan (9) kementerian/jabatan mendapati sebanyak 51 vot peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50%, iaitu antara 1% hingga 49.7% seperti dalam **Jadual 16**. Antara faktor perbelanjaan kurang 50% daripada peruntukan yang telah diluluskan di Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) adalah disebabkan oleh kadar harga bagi perolehan kerja kecemasan dan sebut harga pada tahun 2017 dikaji semula sebelum pembayaran dibuat. Proses kerja ini mengambil masa disebabkan oleh dokumen sokongan yang tidak lengkap. Hal ini telah menyumbang kepada kelewatan proses pembayaran dan seterusnya peruntukan yang diluluskan kurang dibelanjakan.

e. Perpustakaan Negeri Sabah pula tidak dapat membelanjakan peruntukan untuk perolehan bahan bacaan kerana kertas cadangan tender untuk membuat bekalan tersebut tidak mendapat kelulusan MOF. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pula berbelanja kurang daripada 50% bagi peruntukan elaun JKKK kerana penamatan JKKK adalah pada bulan Jun 2018. Faktor lain yang turut menyebabkan perbelanjaan kurang daripada 50% di Jabatan Ketua

Menteri (JKM) adalah kerana dokumen kontrak belum sempurna serta berlaku perubahan pelantikan Setiausaha Politik dan kakitangan di 25 kawasan Parlimen.

JADUAL 16
PERBELANJAAN KURANG 50% DARIPADA
PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2018

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN VOT PERBELANJAAN	PERATUS PERBELANJAAN (%)
1.	Jabatan Air Negeri Sabah	20	1.0 hingga 49.1
2.	Jabatan Ketua Menteri	8	13.8 hingga 49.7
3.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	8	0.93 hingga 46.3
4.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	5	7.1 hingga 47.1
5.	Jabatan Kerja Raya	4	39.2 hingga 49.5
6.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	2	45.7 hingga 48.0
7.	Istana	2	10.0 hingga 22.3
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	1	41.4
9.	Perpustakaan Negeri Sabah	1	6.5
JUMLAH		51	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018

6.5.2. Peruntukan pada tahun 2018 yang diluluskan setelah disemak adalah berjumlah RM4.707 bilion sebelum pindahan sejumlah RM800 juta. Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pada tahun 2018 berjumlah RM4.096 bilion, iaitu lebih rendah daripada anggaran disemak sejumlah RM5.509 bilion atau 26.6%. Peratus keseluruhan perbelanjaan berbanding anggaran pula ialah 74.4% seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING ANGGARAN YANG DISEMAK BAGI TAHUN 2018

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	ANGGARAN DISEMAK (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUBAHAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN ATAS ANGGARAN (%)
1.	Emolumen	772.48	706.15	-66.33	91.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	1,160.59	982.57	-178.02	84.7
3.	Aset	376.11	229.24	-146.87	61.0
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	795.38	740.18	-55.0	93.1
5.	Perbelanjaan Lain	2,404.64	1,438.14	-966.50	59.8
JUMLAH		5,509.20	4,096.28	-1,412.92	74.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018

6.5.3. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti gaji dan elaun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, elaun/ganjaran/pencen ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran dengan perintah mahkamah. Manakala Perbelanjaan Perbekalan adalah yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian kerajaan negeri.

Perbelanjaan mengurus
tahun 2018

RM4.096 bilion

Peningkatan perbelanjaan
mengurus

RM265.89 juta

Peratus peningkatan
perbelanjaan

6.9%

6.5.4. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 berjumlah RM4.096 bilion berbanding RM3.830 bilion pada tahun 2017, iaitu meningkat sejumlah RM265.89 juta atau 6.9%. Pada keseluruhannya, peningkatan perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 disebabkan peningkatan terhadap perbelanjaan, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, Perbelanjaan Lain dan Aset masing-masing sejumlah, RM77.23 juta, RM267.74 juta dan RM265,094 berbanding penurunan perbelanjaan Emolumen serta Perkhidmatan dan Bekalan masing-masing sejumlah RM5.76 juta dan RM73.59 juta. Kedudukan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 mengikut lima (5) butiran perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	706.15	711.91	-5.76	-0.8
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	982.57	1,056.16	-73.59	-7.0
3.	Aset	229.24	228.97	0.27	0.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	740.18	662.95	77.23	11.6
5.	Perbelanjaan Lain	1,438.14	1,170.40	267.74	22.9
JUMLAH		4,096.28	3,830.39	265.89	6.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6.5.5. Analisis Audit terhadap perbelanjaan mengurus mendapati lima (5) butiran perbelanjaan telah meningkat dengan ketara, iaitu antara 26.3% hingga 569.9%. Justifikasi peningkatan perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perkhidmatan dan Bekalan - Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan yang Lain Dibeli dan Hospitaliti - Perkhidmatan E-Government Sabah (Kementerian Pelajaran dan Inovasi)	17.35	2.59	14.76	569.9	Peningkatan disebabkan oleh perubahan kod objek daripada 24000 kepada 29000 di mana kod sewaan tidak sesuai untuk membayar perkhidmatan kontrak ke atas perkhidmatan <i>E-Government</i> yang merupakan kontrak bekalan perkhidmatan. Oleh itu, peruntukan daripada kod objek 24000 telah dipindah ke vot 29000 dan ini menjadikan kod objek 24000 menjadi sifar manakala amaun bertambah di kod objek 29000.
2.	Perbelanjaan Lain - Caruman Kepada Kumpulan Wang Amanah (Kementerian Kewangan Negeri Sabah)	400.00	200.00	200.00	100.0	Vot ini merupakan vot Caruman Kepada Kumpulan Wang Amanah Khas Bayaran Balik Bon (<i>Sinking Fund</i>). Pada setiap tahun MOF akan mencarum ke dalam akaun amanah ini sebagai persediaan untuk membayar bon terbitan yang akan matang pada tahun 2019.
3.	Perkhidmatan dan Bekalan - Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan yang Lain Dibeli dan Hospitaliti - Pembaharuan dan Penyelenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri (Jabatan Kerja Raya)	12.73	0.00	12.73	100.0	Bangunan PPNS telah diambil alih oleh kerajaan negeri dan satu Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyelenggaraan telah dimeterai bagi mengurus fasiliti dan penyelenggaraan bangunan tersebut. Oleh itu, peruntukan tambahan telah dimohon dan diluluskan oleh MOF bagi maksud perbelanjaan ini.
4.	Perbelanjaan Lain - Pembayaran Kepada Konsesi Air (Jabatan Air Negeri Sabah)	73.46	37.83	35.63	94.2	Pada tahun 2018, terdapat peningkatan perbelanjaan disebabkan oleh pembayaran tunggakan kepada Jetama Sdn. Bhd. berjumlah RM30 juta.
5.	Perbelanjaan Lain - Pembayaran Kepada Konsesi Air - Pembelian Air dan Perbelanjaan Berkaitan dengan Penswastan Air (Jabatan Air Negeri Sabah)	131.81	104.39	27.42	26.3	Tuntutan pembayaran kepada Konsesi Air pada tahun 2016 tidak dapat diproses disebabkan oleh siasatan pihak SPRM. Oleh yang demikian, sebahagian daripada tuntutan ini telah diselesaikan pada tahun 2017 dan 2018 yang menyebabkan perbelanjaan di bawah kod ini meningkat pada tahun 2018.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6.5.6. Analisis Audit seterusnya terhadap perbelanjaan mengurus mendapati lima (5) butiran perbelanjaan telah menurun dengan ketara antara 13.9% hingga 100%. Justifikasi penurunan perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Aset - Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan - Bangunan Kerajaan (Kementerian Kewangan Negeri Sabah)	0.00	35.26	-35.26	-100.0	Penurunan disebabkan oleh perubahan kod objek 33000 kepada 42000 untuk perbelanjaan Bantuan Kepada Yayasan Usaha Maju.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan - Sewaan-Perkhidmatan E-Government Sabah (Kementerian Pelajaran dan Inovasi)	0.00	29.26	-29.26	-100.0	Penurunan disebabkan oleh perubahan kod objek daripada 24000 kepada 29000 di mana kod sewaan tidak sesuai untuk membayar perkhidmatan kontrak ke atas perkhidmatan <i>E-Government</i> yang merupakan kontrak bekalan perkhidmatan. Oleh itu, peruntukan daripada kod objek 24000 telah dipindah ke vot 29000 dan ini menjadikan kod objek di 24000 menjadi sifar manakala amaun bertambah di kod objek 29000.
3.	Perkhidmatan dan Bekalan - Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli - Tanah Luncur dan Payahan (Jabatan Keretapi Negeri Sabah)	19.25	65.86	-46.61	-70.8	Transisi kepimpinan kerajaan menyebabkan projek ditangguhkan. Arahan penangguhan semua projek dari MOF rujukan surat KEW(S)500-17/3/1Klt.2(40) bertarikh 23 Mei 2018.
4.	Perkhidmatan dan Bekalan - Perhubungan dan Utiliti (Jabatan Air Negeri Sabah)	55.17	69.95	-14.78	-21.1	Penurunan disebabkan oleh penurunan tunggakan bil utiliti pada tahun 2018 bebanding tahun 2017.
5.	Perkhidmatan dan Bekalan - Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti (Jabatan Air Negeri Sabah)	186.81	217.03	-30.22	-13.9	Sebahagian besar tuntutan tahun 2016 ekoran siasatan pihak SPRM pada tahun 2016 telah dijelaskan melalui AP58(a) dalam tahun 2017. Oleh itu perbelanjaan menurun dalam tahun 2018.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

6.5.7. Bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan AP 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat kementerian/jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.

AP58 (a)
RM68.89 Juta

bayaran bil tahun 2015
hingga 2017

61 kementerian/jabatan

b. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP 58(a) mendapati bayaran berjumlah RM68.89 juta telah dibuat pada tahun 2018 oleh 61 kementerian/jabatan berbanding RM90.05 juta pada tahun 2017. Jumlah bayaran di bawah AP58(a) telah menunjukkan penurunan sebanyak RM21.16 juta atau 23.5%. Semua bayaran ini telah mendapat kelulusan daripada MOF dan JBNS.

c. Analisis Audit mendapati sejumlah RM44.10 juta atau 64% daripada RM68.89 juta bayaran yang dibuat melalui AP 58(a) melibatkan Jabatan Air Negeri Sabah untuk bayaran pelbagai kontrak dan bayaran tunggakan konsesi air tahun 2015 hingga 2017. Sementara bayaran di bawah AP 58(a) oleh Kementerian Belia dan Sukan merupakan bayaran tiket penerbangan, kontrak, sewa mesin fotostat, program keusahawan dan tuntutan perjalanan yang mana invois/tuntutan lewat diterima dan ditegur oleh JBNS. Perbelanjaan di bawah AP 58 (a) di Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah Papar dan MOF pula antaranya adalah pembelian kenderaan, bayaran interim dan kerja menaik taraf masjid. Butiran pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 21** dan **Jadual 22**.

JADUAL 21
KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMBUAT BAYARAN DI BAWAH
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN BAUCAR BAYARAN		JUMLAH (RM Juta)		PERUBAHAN	
		2018	2017	2018	2017	(RM Juta)	%
1.	Jabatan Air Negeri Sabah	1,576	258	44.10	61.54	-17.44	-28.3
2.	Jabatan Kerja Raya	156	107	8.25	11.43	-3.18	-27.8
3.	Kementerian Belia dan Sukan	114	202	3.59	1.64	1.95	118.9
4.	Pejabat Daerah Papar	20	0	1.27	0.00	1.27	100.0
5.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	202	103	1.13	0.87	0.26	29.9
6.	Lain-lain (61/56)	1,505	1,835	10.55	14.57	-4.02	-27.6
JUMLAH		3,573	2,505	68.89	90.05	-21.16	-23.5

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

JADUAL 22
PERIHAL BAYARAN DI BAWAH AP 58 (a)

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. BAUCAR	AMAUN (RM Juta)	BIL. TUNTUTAN (Tahun)	PERIHAL BAYARAN
1.	Jabatan Air Negeri Sabah	1576	44.10	2015 - 2017	- Pembayaran kepada konsesi air. - Kerja pengagihan, pembaikan dan penyelenggaraan. - Kerja kecemasan/darurat. - Pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan.
2.	Jabatan Kerja Raya	156	8.25	2016-2017	- Bayaran interim kontrak kerja. - Kerja pembaikan/penyelenggaraan/pemasangan.

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	BIL. BAUCAR	AMAUN (RM Juta)	BIL . TUNTUTAN (Tahun)	PERIHAL BAYARAN
3.	Kementerian Belia dan Sukan	114	3.59	2017	• Bayaran program kemahiran & keusahawanan. • Kerja pembaikan/pemasangan. • Bayaran wang pukal udara/WPUA. • Elaun perjalanan tugas rasmi. • Bayaran caj mesin fotostat.
4.	Pejabat Daerah Papar	20	1.27	2017	• Kerja menaik taraf Masjid An Nur Kg. Kabang Bongawan.
5.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	202	1.13	2017	• Pembelian kenderaan. • Bayaran tuntutan perubatan/rawatan • Pembelian aset. • Pembayaran pecahan S27 yang dipusatkan untuk kementerian/jabatan.
JUMLAH		2,068	58.34		

Sumber: Rekod Kementerian/Jabatan

- d. Semakan lanjut Audit dibuat terhadap sampel lima (5) kementerian/jabatan iaitu MOF, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am, Jabatan Air Negeri Sabah dan Jabatan Ketua Menteri bagi mengenal pasti punca bayaran dibuat di bawah AP58(a). Semakan Audit mendapati sebanyak 3,348 bayaran berjumlah RM23.20 juta mendapat kelulusan di bawah AP 58(a). Antara punca baucar dibayar di bawah AP 58(a) adalah bil/tuntutan lewat dikemuka ke Unit Akaun; baucar bayaran lewat dihantar ke JBNS; bil hanya diterima selepas penutupan akaun; baucar bayaran dikuiri oleh JBNS kerana dokumen tidak lengkap; dan kontrak/kelulusan/dokumen belum sempurna. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PUNCA BAYARAN DI BAWAH AP 58(a)

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN BAUCAR	AMAUN (RM)	PUNCA BAYARAN DI BAWAH AP58 (A)				
				a	b	c	d	e
1.	Jabatan Air Negeri Sabah	3,004	21,086,364	-	-	-	3,004	-
2.	Jabatan Ketua Menteri	95	468,468	40	10	35	10	
3.	Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am	89	589,396	16	2	-	-	71
4.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	88	187,232	85	3	-	-	-
5.	Kementerian Belia dan Sukan	72	872,025	49	-	-	-	23
JUMLAH		3,348	23,203,485	190	15	35	3,014	94

Sumber: Rekod Kementerian/Jabatan

- Nota:
- Bil/tuntutan lewat diterima di Unit Akaun
 - Baucar bayaran lewat dikemuka ke JBNS
 - Bil/tuntutan diterima selepas penutupan akaun
 - Kontrak/kelulusan/dokumen belum sempurna
 - Baucar bayaran dikuiri oleh JBNS kerana dokumen sokongan tidak lengkap

- e. Sebagai langkah penambahbaikan, MOF telah mengeluarkan Pekeliling Bil. 1/2018 bertarikh 30 Oktober 2018 yang menetapkan hanya JBNS diberi kuasa untuk meluluskan semua perbelanjaan di bawah AP 58(a) berkuat kuasa 1

Januari 2019. Selain itu, JBNS juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil.2/2019 Penggunaan Menu Liabiliti dalam Sistem Pembayaran S3P berkuat kuasa 23 April 2019. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bekalan/kerja/tanggungan mempunyai peruntukan yang mencukupi dan dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan dalam pekeliling berkuat kuasa agar tidak menjejaskan peruntukan perbekalan tahun semasa.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah akaun yang digunakan untuk mengakaun penerimaan pinjaman sebelum dipindahkan ke kumpulan wang/akaun yang berkaitan. Pada tahun 2018, pinjaman sejumlah RM68.17 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek bekalan air dan pelbagai. Pinjaman yang diperoleh telah diambil kira dalam akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Oleh itu, pada akhir tahun 2018, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki kosong.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Wang Deposit.

8.1. Pada akhir tahun 2018, Akaun Amanah Disatukan berbaki debit berjumlah RM85.85 juta berbanding baki debit berjumlah RM994.18 juta pada tahun 2017, iaitu penurunan baki debit sejumlah RM908.32 juta atau 91.4%. Penurunan baki debit pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

Terlebih belanja (baki debit)

RM85.85 juta

Penurunan baki debit
Akaun Amanah
berbanding tahun 2017

RM908.32 juta


JADUAL 24
AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan				
	• Kumpulan Wang Pembangunan	-2,407.63	-2,511.08	103.45	-4.1
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	153.66	113.37	40.29	35.5
	• Akaun Kena Bayar	128.42	215.23	-86.81	-40.3
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	1,642.43	808.65	833.78	103.1
3.	Deposit	397.27	379.66	17.61	4.6
	JUMLAH	-85.85	-994.18	908.32	-91.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

8.2. Analisis perbandingan baki debit akaun amanah disatukan bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan baki debit telah berkurangan dari tahun 2016 hingga 2018. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan baki debit akaun ini adalah disebabkan oleh penurunan baki debit Kumpulan Wang Pembangunan yang memperoleh lebihan bagi dua (2) tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2017 dan 2018. Selain itu, berlaku peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada setiap tahun dalam tempoh lima (5) tahun tersebut. Baki Akaun Amanah disatukan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 hingga 2018

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada tiga (3) komponen utama, iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Kena Bayar.

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

a. Prestasi Kewangan

Pada tahun 2018, penerimaan dalam Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM954.98 juta. Sejumlah RM800 juta adalah caruman daripada Anggaran Perbekalan, RM68.17 juta daripada Pinjaman Persekutuan, RM38.46 juta merupakan bayaran balik pemberian Persekutuan dan sejumlah RM48.35 juta merupakan hasil pembangunan yang lain. Semakan

Defisit terkumpul
Kumpulan Wang
Pembangunan

RM2.408 bilion

Audit mendapati kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM800 juta untuk menampung perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 melalui Anggaran Perbekalan. Terimaan daripada Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 berjumlah RM954.98 juta didapati dapat menampung keseluruhan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM851.53 juta. Hal ini menyebabkan Kumpulan Wang Pembangunan mengalami lebihan berjumlah RM103.45 juta pada tahun 2018. Lebihan tersebut menyebabkan defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan menurun sebanyak RM103.45 juta kepada defisit RM2.408 bilion berbanding defisit berjumlah RM2.511 bilion pada tahun 2017 seperti ditunjukkan dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
BAKI AKAUN KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-2,511.09	-2,603.89	92.80	-3.6
Terimaan	954.98	1,090.34	-135.36	-12.4
Bayaran	851.53	997.54	-146.01	-14.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	-2,407.64	-2,511.09	103.45	-4.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

- i. Sebanyak tujuh (7) kementerian/jabatan menunjukkan penurunan perbelanjaan pembangunan manakala empat (4) kementerian pula menunjukkan peningkatan perbelanjaan. Secara keseluruhan, perbelanjaan pembangunan menurun sejumlah RM146.01 juta menjadi RM851.53 juta pada tahun 2018 berbanding sejumlah RM997.54 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	315.15	439.43	-124.28	-28.3
2.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	177.33	156.56	20.77	13.3
3.	Jabatan Ketua Menteri	155.01	207.75	-52.74	-25.4
4.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	145.58	142.70	2.88	2.0
5.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	18.64	11.10	7.54	67.9
6.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	17.91	8.72	9.19	105.4
7.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	8.59	9.78	-1.19	-12.2
8.	Kementerian Belia dan Sukan	4.25	10.84	-6.59	-60.8
9.	Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat *	3.91	4.02	-0.11	-2.7

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
10.	Kementerian Pelajaran dan Inovasi **	3.10	4.18	-1.08	-25.8
11.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	2.06	2.46	-0.40	-16.3
JUMLAH		851.53	997.54	-146.01	-14.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

Nota: (*) – Nama Kementerian ditukar daripada Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna kepada Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat.
(**) – Nama Kementerian ditukar daripada Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat kepada Kementerian Pelajaran dan Inovasi.

RM851.53 juta

Perbelanjaan pembangunan

Pencapaian 73.9% daripada peruntukan diluluskan

- 3 kementerian belanja melebihi 80%
- 7 kementerian dan 1 jabatan hanya belanja antara 12% hingga 73%

ii. Sejumlah RM851.53 juta atau 73.9% daripada peruntukan pembangunan di bawah RMKe-11 yang diluluskan telah dibelanjakan pada tahun 2018. Sebanyak tiga (3) kementerian telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80%, iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Prestasi perbelanjaan bagi lapan (8) kementerian/jabatan yang lain adalah antara 12.9% hingga 73.1%. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-11 yang dibiayai melalui peruntukan kerajaan negeri adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 BERBANDING PERUNTUKAN

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH RMKE-11 (RM Juta)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018 (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	452.80	315.15	69.6
2.	Jabatan Ketua Menteri	225.64	155.01	68.7
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	178.85	145.58	81.4
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	197.92	177.33	89.6
5.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	25.50	18.64	73.1
6.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	20.90	17.91	85.7
7.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	16.00	2.06	12.9
8.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	13.81	8.59	62.2
9.	Kementerian Belia dan Sukan	8.55	4.25	49.7
10.	Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat *	6.66	3.91	58.7
11.	Kementerian Pelajaran dan Inovasi **	5.00	3.10	62.0
JUMLAH		1,151.63	851.53	73.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

Nota: (*) – Nama Kementerian ditukar daripada Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna kepada Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat.
(**) – Nama Kementerian ditukar daripada Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat kepada Kementerian Pelajaran dan Inovasi.

b. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11

i. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

- Pada tahun 2018, peruntukan yang diluluskan di bawah RMKe-11 adalah berjumlah RM1.152 bilion untuk diagihkan kepada 11 kementerian/ jabatan bagi melaksanakan 6,096 projek pembangunan di bawah 189 program seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
DI BAWAH RMKE-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2018

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH RMKE- 11 (RM Juta)	BIL. PROJEK
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	452.80	185
2.	Jabatan Ketua Menteri	225.64	95
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	178.85	164
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	197.92	5,426
5.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	25.50	33
6.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	20.90	21
7.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	16.00	3
8.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	13.81	40
9.	Kementerian Belia dan Sukan	8.55	78
10.	Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat *	6.66	29
11.	Kementerian Pelajaran dan Inovasi **	5.00	22
JUMLAH		1,151.63	6,096

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018 dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri

Nota: (*) – Nama Kementerian ditukar daripada Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna kepada Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat.
(**) – Nama Kementerian ditukar daripada Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat kepada Kementerian Pelajaran dan Inovasi.

- Analisis Audit mendapati prestasi perbelanjaan bagi lapan (8) kementerian/jabatan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM242.25 juta tidak mencapai 80% dalam tahun 2018. Antara punca peruntukan tidak dibelanjakan ialah projek yang dijadual untuk dilaksanakan dalam tahun 2018 telah dijadualkan semula. Hal ini antaranya disebabkan lokasi tapak projek yang belum dimuktamadkan, reka bentuk sedang disediakan dan perolehan tender belum selesai. Perincian butiran adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
STATUS PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TIDAK
MENCAPAI 80% DI BAWAH RMKE-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2018

BIL.	KEMENTERIAN	PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018 (RM Juta)	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)	JUSTIFIKASI PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	315.15	137.65	i. Pekeliling MOF ruj. KEW/(S) 50017/3/1KLT2/(40) bertarikh 23 Mei 2018 berkaitan penangguhan pelaksanaan semua urusan perolehan baru menyebabkan kelulusan tender tidak diperoleh bagi Jabatan Keretapi Negeri Sabah dan Jabatan Kerja Raya. ii. Sebanyak tiga (3) projek iaitu Pembinaan Loji Rawatan di Kundasang, Menaik taraf Sistem Bekalan Air Kota Marudu dan Penambahan kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II dalam proses perolehan. iii. Pembesaran Paip Air Agihan dari Tangki Simpanan Air R5 Kg. Tapang ke Kg. Wonod/ Kg. Malapi/Kg. Taviu/Kg. Kopuron/ Kg. Lumou belum dimulakan.
2.	Jabatan Ketua Menteri	155.01	70.63	i. Projek pengambilan tanah tidak dapat dilaksanakan kerana belum ada arahan daripada agensi pelaksana. ii. Satu projek pembinaan sekolah agama belum mula kerana masalah teknikal. iii. Kelulusan pengecualian tatacara perolehan tidak diperoleh untuk Projek Penyediaan Laluan Pejalan Kaki di Bandaraya Kota Kinabalu dan Cadangan Menaik Taraf Tapak Pasar Malam (Sembulan dan Menggatal) serta Tamu Jalan Gaya di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu.
3.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	18.64	6.86	Peruntukan disalurkan kepada Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar bagi Projek Pekan Baru hanya dibelanjakan RM3.70 juta berbanding peruntukan yang diberikan iaitu RM8 juta.
4.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	2.06	13.94	Baki peruntukan berjumlah RM7.54 juta adalah kerana: i. tiada tuntutan daripada pihak berkaitan untuk bayaran infrastruktur <i>Education Hub</i> di Sandakan; ii. tiada tuntutan daripada agensi bagi projek yang melibatkan penyediaan bekalan utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi; dan iii. Yayasan Usaha Maju hanya memohon peruntukan sejumlah RM2 juta untuk Pinjaman Am tahun 2018. Oleh itu, peruntukan sejumlah RM4 juta tidak dibelanjakan dalam tahun 2018.

BIL.	KEMENTERIAN	PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018 (RM Juta)	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)	JUSTIFIKASI PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN
5.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	8.59	5.22	Projek pembinaan rumah kakitangan di Gua Guomantong disyorkan pelantikan perunding untuk melaksanakan analisis sebelum pelantikan kontraktor dibuat.
6.	Kementerian Belia dan Sukan	4.25	3.30	Pekeliling MOF ruj. KEW/(S)500-17/3/1 KLT 2/(40) bertarikh 23 Mei 2018 berkaitan penangguhan pelaksanaan semua urusan perolehan baru menyebabkan tidak mendapat kelulusan tender. Antaranya adalah projek untuk pembinaan empat (4) gelanggang skuasy di Kompleks Sukan Kota Kinabalu dan pembinaan bumbung kolam renang di Kompleks Sukan Keningau.
7.	Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat	3.91	2.75	Pekeliling MOF ruj. KEW/(S)500-17/3/1KLT 2/(40) bertarikh 23 Mei 2018 berkaitan penangguhan pelaksanaan semua urusan perolehan baru menyebabkan tidak mendapat kelulusan tender untuk bangunan perpustakaan.
8.	Kementerian Pelajaran dan Inovasi	3.10	1.90	RM800,000 untuk Projek e-Desa tidak dibelanjakan dalam tahun 2018. Sementara Program Memperkasakan Techno dan Kreatif-IT hanya dibelanjakan sejumlah RM597,087. Hal ini selaras dengan Pekeliling MOF pada 23 Mei 2018.
JUMLAH		510.71	242.25	

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah

ii. Prestasi Pelaksanaan Projek Tahun Semasa

- Sebanyak 6,096 projek di bawah RMKe-11 telah dirancang termasuk projek khas/kecil Jabatan Ketua Menteri untuk dilaksanakan oleh 11 kementerian/jabatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,580 projek atau 91.5% telah siap dilaksanakan, sebanyak 364 projek atau 6% projek sedang dilaksanakan dan 152 projek atau 2.5% belum dilaksanakan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 30** dan **Carta 3**.

Bilangan projek pembangunan di bawah 189 program

6,096 projek

Projek siap

**5,580 atau
91.5%**

Projek sedang laksana

364 atau 6%

Projek belum laksana


152 atau 2.5%

JADUAL 30
STATUS PELAKSANAAN PROJEK RMKE-11 SETAKAT 31 DISEMBER 2018

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	BIL PROJEK DILULUSKAN	STATUS PELAKSANAAN PROJEK					
			SIAP SEBENAR	SEDANG DILAKSANAKAN			BELUM MULA	DALAM PERANCANGAN
				DAHULU JADUAL	IKUT JADUAL	LEWAT JADUAL		
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	185	80	5	44	11	27	18
2.	Jabatan Ketua Menteri	95	20	-	68	-	1	6
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	164	-	-	159	-	-	5
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	5,426	5,426	-	-	-	-	-
5.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	40	13	3	12	1	4	7
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	33	6	-	18	3	5	1
7.	Kementerian Belia dan Sukan	78	7	1	11	-	12	47
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	21	7	1	5	3	-	5
9.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	3	-	-	3	-	-	-
10.	Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat	29	10	-	10	2	2	5
11.	Kementerian Pelajaran dan Inovasi	22	11	-	4	-	2	5
JUMLAH		6,096	5,580	10	334	20	53	99

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri

CARTA 3
STATUS PENCAPAIAN PROJEK RMKE-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2018



Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri

- Menurut rekod yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, sebanyak 53 projek tidak dapat dimulakan dalam tahun 2018. Hal ini antaranya disebabkan Pekeliling MOF ruj. KEW/(S)500-17/3/1 KLT 2/(40) bertarikh 23 Mei 2018 yang berkaitan dengan penangguhan pelaksanaan semua urusan perolehan baru menyebabkan tender tidak mendapat kelulusan. Selain itu, projek juga tidak dapat dimulakan kerana

penyediaan reka bentuk dan skop kerja belum dimuktamadkan. Analisis Audit terhadap lapan (8) atau 15.1% sampel projek yang diluluskan peruntukan bernilai RM1 juta ke atas dalam tahun 2018 tetapi belum mula dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
PROJEK BELUM MULA TAHUN 2018

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2018 (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Tangki Septik komunal milik Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Sabah	11.55	Menunggu kelulusan tender. Sedang dalam proses perolehan.
2.	EWSS Lahad Datu-Pembinaan Loji Rawatan Air, Tangki Simpanan & Saluran paip Transmisi & Agihan	2.00	Reka bentuk dan skop belum dimuktamadkan.
3.	Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Tetap Keretapi	2.00	Belum mendapat kelulusan untuk proses tender.
4.	Menaik taraf Jalan Tamparuli Togop	2.00	Reka bentuk belum siap.
5.	Perolehan 2 unit lokomotif dan 2 unit railbus yang telah dibaikpulihan (<i>refurbished</i>) untuk menampung keperluan perkhidmatan keretapi	1.40	Belum mendapat kelulusan untuk proses tender.
6.	Membina Jalan Kiansom <i>Bypass</i> , Inanam	1.00	Sedang dalam perancangan penyediaan tender.
7.	Kajian dan reka bentuk terperinci bagi Daerah – Daerah di Sabah	1.00	Tawaran diterima pada akhir tahun. Sedang dalam penyediaan TOR
8.	Pekan Baru Pegalungan	1.00	Menunggu kelulusan peruntukan.

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

- Analisis Audit selanjutnya terhadap rekod projek lewat siap yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri setakat 31 Disember 2018 mendapati hanya 20 projek atau 0.3% daripada keseluruhan 6,096 projek lewat disiapkan. Antara projek yang lewat siap adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
PROJEK LEWAT SIAP TAHUN 2018

BIL.	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2018 (RM Juta)	SEBAB LEWAT SIAP
1.	Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat	Pembinaan Semula Bangunan TDKKU dan Kuarters Bertingkat, Sembulan	2.00	Kontraktor mengalami masalah kewangan untuk meneruskan kerja. Pada tahun 2018, tapak projek telah diambil alih oleh Jabatan kerja Raya untuk kawalan keselamatan. Peratus kerja siap adalah 58.2% dan sejumlah RM800,000 telah dibayar dalam tahun 2018.
		Pembinaan Semula Bangunan Baru Warga Tua Air Panas, Tawau	2.50	Perubahan skop kerja memerlukan kelulusan Jabatan Kerja Raya untuk ujian cerucuk sebelum kerja <i>piling</i> dimulakan. Selain itu, keadaan cuaca serta kelulusan pemindahan batang paip juga menyebabkan kelewatan.

BIL.	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2018 (RM Juta)	SEBAB LEWAT SIAP
2.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	Infrastruktur Rumah Kedai Merotai 10 X 2	1.50	Perubahan skop kerja kerana skop kerja asal boleh mengakibatkan tapak projek dilanda banjir. Analisa daripada pihak konsultan sedang dijalankan untuk melihat perkara ini.
3.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI)	Pembinaan <i>Sludge Disposal Facilities</i> untuk Tangki Pra-Pemendapan dan <i>Sludge Drying Bed</i> untuk Loji Penapis Air Kinabatangan.	5.00	Perubahan skop kerja dalam tahun 2018. Pada tahun 2018, hanya RM1.29 juta dibelanjakan. Peratus kerja siap adalah 72%.
		Skim Pembentukan Tenom Fasa 1	5.50	Kontraktor tidak ada pengalaman menyebabkan kemajuan kerja lambat seperti berikut: i. kaedah <i>pipe jacking</i> belum dikemukakan dan belum dimulakan; dan ii. masih dalam proses pengambilan tanah. Ada penempatan setingan.
		Menaik taraf jalan Bantayan Minitod	1.50	Menunggu surat warta daripada Jabatan Tanah dan Ukur untuk pembayaran pampasan tanah. Tiada perbelanjaan dalam tahun 2018.
4.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	Pelan Tempatan Kundasang	0.5	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 23 Oktober 2017 telah menerima Laporan Interim tetapi didapati tidak memenuhi skop kerja dalam Terma Rujukan. Pihak Jururunding telah diminta untuk menyediakan draf akhir Pelan Tempatan Kundasang dan Putatan dengan segera agar projek berjalan mengikut jadual.
		Pelan Tempatan Putatan	0.5	

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

8.3.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada lima (5) komponen utama, iaitu Akaun Semasa Antara Pentadbiran, Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Kumpulan Wang Luar Jangka.

- a. Pada akhir tahun 2018, Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menunjukkan baki sejumlah RM153.66 juta berbanding sejumlah RM113.37 juta pada tahun 2017, iaitu peningkatan sejumlah RM40.29 juta atau 35.5%. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan baki di Akaun Perniagaan terutama baki Kumpulan Wang Amanah JKR – Sistem Pembetulan meningkat sejumlah RM13.68 juta atau 473.3%, baki Kumpulan Wang Amanah JKR – Jalan-Jalan dan Jambatan-Jambatan telah meningkat sejumlah RM52.71 juta atau 132.9% dan baki Kumpulan Wang Amanah Stor dan Kerja

Tak Beruntuk meningkat sejumlah RM2.42 juta atau 70.1%. Bagaimanapun, baki Akaun Semasa Antara Pentadbiran dan Akaun Pinjaman telah menurun masing-masing sejumlah RM11.90 juta dan RM16.39 juta menjadi baki debit RM31.08 juta dan baki debit RM12.41 juta. Butiran penyata Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 33** manakala penemuan Audit adalah seperti perenggan berikutnya:

JADUAL 33
BAKI AKAUN KUMPULAN WANG AMANAH
KERAJAAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

Bil.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Semasa Antara Pentadbiran	-31.08	-19.18	-11.90	62.0
2.	Akaun Penyelesaian	1.00	0.99	0.01	1.0
3.	Akaun Perniagaan	126.15	57.58	68.57	119.1
4.	Akaun Pinjaman	-12.41	3.98	-16.39	-411.8
5.	Kumpulan Wang Luar jangka	70.00	70.00	0.00	0.0
JUMLAH		153.66	113.37	40.29	35.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

i. Akaun Semasa Antara Pentadbiran

Penurunan baki Akaun Semasa Pentadbiran daripada baki debit sejumlah RM19.18 juta pada tahun 2017 menjadi baki debit berjumlah RM31.08 juta pada tahun 2018 disebabkan oleh:

Tuntutan GST belum diterima daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia

RM44.93 juta

Peruntukan bagi 14 program Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia tidak dibelanjakan oleh MAFI

RM18.15 juta

- tuntutan cukai GST berjumlah RM44.93 juta masih belum diterima daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia walaupun peringatan telah dikemukakan kepada jabatan tersebut; dan
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia masih mempunyai baki peruntukan sejumlah RM9.35 juta untuk 19 program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sabah (MAFI). Akaun ini sepatutnya disifarkan setiap tahun tetapi tidak dibuat demikian. Sebanyak lima (5) program didapati belum diimbuh balik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia berjumlah RM8.80 juta dan 14 program menerima peruntukan melebihi perbelanjaan berjumlah RM18.15 juta.

ii. Akaun Pinjaman


Baki Akaun Pinjaman menurun daripada baki kredit sejumlah RM3.98 juta menjadi baki debit berjumlah RM12.41 juta. Hal ini disebabkan Akaun

Pendahuluan Diri yang terlebih dikeluarkan sejumlah RM16.94 juta (21.6%) menjadi baki debit sejumlah RM95.42 juta pada tahun 2018 berbanding baki debit sejumlah RM78.48 juta pada tahun 2017. Butiran lanjut seperti di perenggan berikut:

- **Akaun Pendahuluan Diri**

Akaun Pendahuluan Diri diwujudkan bagi maksud mengakaun pendahuluan wang kepada pegawai untuk keperluan menjalankan tugas rasmi, pendahuluan gaji sementara menunggu surat pelantikan dan pendahuluan diri (pelbagai). Peruntukan bagi Akaun Pendahuluan Diri berjumlah RM12 juta. Pada akhir tahun 2018, Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri menunjukkan baki debit sejumlah RM95.42 juta. Baki debit pada tahun 2018 telah meningkat sejumlah RM16.94 juta atau 21.6% berbanding baki debit berjumlah RM78.48 juta pada tahun 2017. Bagi tempoh lima (5) tahun, Akaun Pendahuluan Diri telah menunjukkan trend penurunan baki debit dari tahun 2014 hingga 2017 manakala telah meningkat pada tahun 2018 seperti dalam **Carta 4**.

CARTA 4
BAKI AKAUN PENDAHULUAN DIRI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 hingga 2018

- Pendahuluan ini termasuk pendahuluan diri bagi perbelanjaan mengurus yang dibayar melalui Akaun Pendahuluan Diri kerana peruntukan tahun semasa tidak mencukupi dan permohonan peruntukan tambahan tidak dapat dibuat disebabkan perbelanjaan berlaku selepas bulan Julai. Selain itu, pendahuluan pelbagai juga termasuk pendahuluan diri yang diambil

untuk melaksanakan kerja kecemasan di mana peruntukan tahun semasa tidak disediakan/tidak mencukupi. Kedua-dua pendahuluan diri ini dilaksanakan dengan kelulusan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam **Arahan Perbendaharaan 54** dan **55**. Berdasarkan kepada **Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 2014**, pendahuluan diri yang diambil hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin menggunakan peruntukan tahun semasa, pindah peruntukan atau memohon peruntukan tambahan.

- Kaedah pembayaran ini kurang teratur, sepatutnya menggunakan Kumpulan Wang Luar Jangka dan peruntukan tambahan perlu dimohon sebelum penutupan akaun tahunan.
- Analisis lanjut Audit terhadap lapan (8) sampel kementerian/jabatan yang mempunyai baki akaun pendahuluan diri melebihi RM1 juta mendapati pendahuluan diri belum diselesaikan. Hal ini antaranya disebabkan oleh pengurusan rekod serta dokumen sokongan yang tidak teratur dan peruntukan tambahan untuk tujuan penyelesaian sama ada belum dipohon atau lewat diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
JUSTIFIKASI PENDAHULUAN DIRI TIDAK DISELARASKAN PADA TAHUN 2018

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI PENDAHULUAN DIRI PADA 31 DISEMBER 2018	JUSTIFIKASI PENDAHULUAN DIRI TIADAK DISELARASKAN DALAM TAHUN 2018
1.	Jabatan Ketua Menteri	2.14	Sejumlah RM1.50 juta peruntukan tambahan telah diluluskan dan bayaran akan diselesaikan dalam tahun 2019.
2.	Jabatan Perhutanan Sabah	1.38	Sedang mengumpul dokumen sokongan untuk menyelesaikan pendahuluan diri tersebut.
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	4.31	Akan membuat permohonan peruntukan tambahan pada tahun 2019. Baki adalah dari tahun 2015-2018.
4.	Jabatan Pertanian Sabah	1.02	Telah memohon tambahan peruntukan melalui surat JPTN(IP)400-0/3 Klt.7(77) bertarikh 8 Mac 2019.
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	6.02	Memohon peruntukan tambahan pada 3 Mei 2018 tetapi tidak diluluskan oleh MOF. Jabatan akan memohon peruntukan tambahan pada tahun 2019 untuk menyelesaikan pendahuluan diri ini.
6.	Jabatan Air Negeri Sabah	47.57	Sejumlah RM33.76 juta telah diluluskan untuk penyelesaian melalui surat KEW.400-8/2019/2/74 bertarikh 12 Mac 2019. Tiada maklumat terhadap baki pendahuluan berjumlah RM14.20 juta.
7.	Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah	6.51	Telah mengemukakan permohonan peruntukan sejumlah RM4 juta kepada MOF untuk menyelesaikan amaun pendahuluan diri. Tiada maklumat terhadap baki pendahuluan berjumlah RM2.50 juta.

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI PENDAHULUAN DIRI PADA 31 DISEMBER 2018	JUSTIFIKASI PENDAHULUAN DIRI TIADAK DISELARASKAN DALAM TAHUN 2018
8.	Jabatan Hidupan Liar	13.63	Kelulusan peruntukan tambahan perbekalan hanya diterima pada Ogos 2018 dengan menggunakan AP 54. Namun permohonan bayar balik menggunakan peruntukan tambahan tidak sempat dilakukan kerana tarikh tutup.
JUMLAH		82.58	

Sumber: Rekod Kementerian Kewangan Negeri Sabah

iii. Akaun Perniagaan

Akaun Perniagaan telah menunjukkan peningkatan yang ketara sejumlah RM68.58 atau 119.1% menjadi sejumlah RM126.15 juta pada tahun 2018 berbanding RM57.57 pada tahun 2017. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan baki akaun Kumpulan Wang Amanah JKR–Sistem Pembetulan meningkat sejumlah RM13.68 juta atau 473.3% dan baki Kumpulan Wang Amanah JKR – Jalan-Jalan dan Jambatan-Jambatan meningkat sejumlah RM52.71 juta atau 132.9%. Kumpulan Wang ini ditubuhkan pada awal bulan Januari 1994 di bawah Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) untuk mengakaunkan penerimaan dan pembayaran berhubung kerja penyenggaraan jalan raya dan jambatan kerajaan negeri.

- **Kumpulan Wang Amanah Jalan Raya dan Jambatan (Pengendalian dan Penyenggaraan)**

Pada tahun 2018, kerajaan negeri menerima peruntukan sejumlah RM636.19 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri meningkat sejumlah RM52.71 juta atau 132.9% menjadi RM92.36 juta berbanding RM39.65 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan berjumlah RM636.19 juta lebih tinggi berbanding perbelanjaan yang hanya berjumlah RM583.48 juta. Apabila peruntukan tidak dibelanjakan sepenuhnya maka ianya menyebabkan bilangan jalan yang menunggu giliran untuk disenggara meningkat. Akaun ini dibelanjakan oleh Jabatan Kerja Raya untuk menyelenggara jalan raya negeri iaitu 10,260.66 kilometer bagi jalan raya berturap dan 11,785.60 kilometer bagi jalan tidak berturap. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	39.65	53.07	-13.42	-25.3
Terimaan	636.19	617.66	18.53	3.0
Perbelanjaan	583.48	631.08	-47.60	-7.5
Lebih Hasil /(Lebih Perbelanjaan)	52.71	-13.42	66.13	-492.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	92.36	39.65	52.71	132.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

- Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
JALAN-JALAN RAYA DAN JAMBATAN-JAMBATAN
(PENGENDALIAN DAN PENYENGKARAAN) BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (Juta)	PERBELANJAAN SEMASA (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGUNAAN (%)
2014	7.71	572.93	568.77	11.87	99.3
2015	11.87	565.73	544.40	33.20	96.2
2016	33.20	599.67	579.80	53.07	96.7
2017	53.07	617.66	631.08	39.65	102.2
2018	39.65	636.19	583.48	92.36	91.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2014 hingga 2018

8.3.3. Akaun Kena Bayar

- Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan kerajaan negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada bulan Disember yang perlu dijelaskan pada bulan Januari tahun berikutnya. Baucar Akaun Kena Bayar bagi semua kementerian/jabatan dibayar melalui JBNS. Bagaimanapun, empat (4) Jabatan Mengakaun Sendiri dibenarkan untuk membuat bayaran bagi baucar bernilai kurang daripada RM50,000. Pada tahun 2018, Akaun Kena Bayar menurun sejumlah RM86.81 juta atau 40.3% kepada RM128.42 juta berbanding RM215.23 juta pada tahun 2017. Secara keseluruhannya, pembayaran melalui pelbagai kementerian/jabatan dan Jabatan Kerja Raya telah menurun masing-masing sejumlah RM79.59 juta atau 39.7% dan RM8.03 juta atau 86.4%. Akaun Kena Bayar bagi tiga (3) Jabatan Mengakaun Sendiri iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan serta Jabatan Tanah dan Ukur telah meningkat masing-masing sejumlah RM122,520 atau 3.9%, RM483,337 atau 36.6% dan RM192,151 atau 30.8%. Peningkatan dan penurunan perbelanjaan Akaun Kena Bayar yang dibayar oleh pelbagai kementerian/jabatan dan empat (4) Jabatan

Mengakaun Sendiri pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
AKAUN KENA BAYAR MENGIKUT JABATAN
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pelbagai Kementerian/Jabatan	121.04	200.63	-79.59	-39.7
2.	Jabatan Kerja Raya	1.26	9.29	-8.03	-86.4
3.	Jabatan Pertanian	3.48	3.35	0.13	3.9
4.	Jabatan Perhutanan	1.79	1.31	0.48	36.6
5.	Jabatan Tanah Dan Ukur	0.85	0.65	0.20	30.8
JUMLAH		128.42	215.23	-86.81	-40.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2017 dan 2018

- b. Semakan Audit terhadap 275 baucar bayaran Akaun Kena Bayar berjumlah RM50.48 juta merangkumi 29 kementerian/jabatan mendapati pembayaran sejumlah RM682,920 atau 1.3% bagi sembilan (9) baucar bayaran daripada lima (5) kementerian/jabatan merupakan bil/tuntutan/Perintah Kerja Am (PKA) interim bagi bulan Jun 2018 hingga Oktober 2018 yang sepatutnya telah diselesaikan selewat-lewatnya pada bulan November 2018. Analisis Audit selanjutnya mendapati punca kelewatan tiga (3) baucar bayaran berjumlah RM214,800 adalah disebabkan pertanyaan perbendaharaan oleh JBNS kerana dokumen sokongan tidak mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Sebanyak enam (6) baucar bayaran berjumlah RM467,120 telah menerima bil/tuntutan antara bulan Jun hingga Oktober 2018 tetapi hanya mengemukakan baucar bayaran ke JBNS pada 2 Januari 2019.

Baucar dikuiri oleh JBNS
RM56.21 juta

607 baucar bayaran

Prosedur perolehan tidak dipatuhi, pengiraan tidak tepat, baucar bayaran lewat disediakan, kelewatan membuat tuntutan dan dokumen sokongan tidak lengkap.

- c. Semakan Audit telah dibuat terhadap empat (4) kementerian/jabatan iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Jabatan Air Negeri Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am bagi mengenal pasti punca kelewatan bayaran. Analisis mendapati antara punca kelewatan bayaran adalah baucar yang dikuiri oleh JBNS disebabkan oleh prosedur perolehan/tuntutan tidak dipatuhi, pengiraan tidak tepat/kesilapan vot/perbezaan maklumat, maklumat/dokumen kewangan tidak lengkap, baucar lewat disediakan dan ketidakpatuhan AP 100, AP 102 dan AP 103. Sebanyak 607 baucar bayaran berjumlah RM56.21 juta telah dikuiri dan butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
JENIS KETIDAKPATUHAN BAUCAR BAYARAN YANG DIKUIRI JBNS

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN BAUCAR	AMAUN (RM Juta)	JENIS KETIDAKPATUHAN BAUCAR BAYARAN YANG DIKUIRI JBNS				
				a	b	c	d	e
1.	Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am	246	43.99	82	64	74	53	-
2.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	95	10.53	8	40	62	8	10
3.	Jabatan Air Negeri Sabah	200	1.39	8	35	178	-	200
4.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	66	0.30	13	1	4	12	38
JUMLAH		607	56.21	111	140	318	73	248

Sumber: Rekod Kementerian/Jabatan

- Nota:
- a. Prosedur perolehan/tuntutan tidak dipatuhi
 - b. Pengiraan tidak tepat/kesilapan vot/perbezaan maklumat
 - c. Maklumat atau dokumen kewangan tidak lengkap
 - d. Baucar lewat disediakan
 - e. Tidak mematuhi AP 100, AP 102 dan AP 103

8.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Pada tahun 2018, Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sejumlah RM833.78 juta atau 103.1% menjadi sejumlah RM1.642 bilion berbanding RM808.65 juta pada tahun 2017. Peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas	610.28	202.00	408.28	202.1
2.	Akaun Wang Amanah Pelbagai	1,032.15	606.65	425.50	70.1
JUMLAH		1,642.43	808.65	833.78	103.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

8.4.1. Kumpulan Wang Khas

- a. MOF telah meluluskan penubuhan Tabung Wang Amanah Khas Bagi Bayaran Balik Bon berjumlah RM2 juta pada tahun 2017. Kumpulan Wang Amanah Khas ini ditubuhkan untuk mengakaunkan sebarang jumlah caruman yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Dewan Undangan Negeri bagi tujuan kumpulan wang tersebut melalui Bajet Negeri tahunan dan faedah yang diterima daripada caruman yang dilaburkan melalui *sinking fund account*. Pada akhir tahun 2017, Kumpulan Wang Amanah Khas ini berbaki RM202 juta yang dicarum sebagai simpanan tetap di Sabah Development Bank.

- b. Pada tahun 2018, sejumlah RM8.28 juta faedah telah diterima dan ditambah kepada simpanan tetap asal. Selain itu, kerajaan negeri juga telah mencarum sejumlah RM400 juta ke kumpulan wang amanah ini menjadikan baki akhir kumpulan wang tersebut berjumlah RM610.28 juta pada akhir tahun 2018. Bon yang diterbitkan pada 1 Disember 2014 dijadualkan matang pada 9 Disember 2019.

8.4.2. Akaun Amanah Pelbagai

- a. Akaun Amanah Pelbagai ditubuhkan untuk mengakaunkan caruman wang daripada badan-badan atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada kerajaan negeri di samping peruntukan yang ditetapkan. Pada akhir tahun 2018, Akaun Amanah Pelbagai telah meningkat dengan ketara sejumlah RM425.50 juta atau 70.1% kepada RM1.032 bilion pada tahun 2018 berbanding RM606.65 juta pada tahun 2017. Peningkatan baki akaun amanah ini antaranya disebabkan oleh peningkatan ketara terhadap baki Akaun Amanah Pembinaan Jalan Raya bagi Projek Lebuhraya PAN Borneo sejumlah RM340.11 juta atau 886.4% dan Akaun Amanah Pampasan Tanah, Projek Lebuhraya PAN Borneo sejumlah RM89.43 juta atau 580%. Penyaluran peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan pada bulan Disember 2018 menyebabkan baki kedua-dua akaun amanah tersebut meningkat pada akhir tahun. Selain itu, terimaan di tiga (a) akaun amanah baru berjumlah RM1.16 juta juga telah menyebabkan peningkatan baki Akaun Amanah Pelbagai. Secara keseluruhan, peningkatan disebabkan oleh penambahan terhadap 27 akaun amanah berjumlah RM477.68 juta berbanding penurunan sejumlah RM53.34 juta terhadap 50 akaun amanah manakala sebanyak 54 baki akaun amanah tidak berubah.

i. Akaun Amanah Baharu

Pada tahun 2018, MOF telah meluluskan penubuhan tiga (3) Akaun Amanah di bawah Seksyen 9 yang dikendalikan oleh tiga (3) kementerian/jabatan. Baki Akaun Amanah tersebut pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM1.16 juta seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
AKAUN AMANAH YANG BARU PADA TAHUN 2018

BIL.	PEGAWAI PENGAWAL	NAMA AKAUN AMANAH	TUJUAN PENUBUHAN	BAKI (RM)
1.	Pengarah Perhutanan Sabah	Elaun Kerja Lebih Masa (Pengukuran)	Untuk mengakaun wang 1% daripada gaji pokok kakitangan dari pihak industri perhutanan (syarikat, pengusaha, pengeksport dan pengimport). Diwujudkan bagi tujuan memohon perkhidmatan kakitangan perhutanan di luar masa pejabat seperti pengawalan operasi kilang, pemunggahan/memuat turun eksport/import barangan hutan, memeringkat kayu, mengukur dan sebagainya selaras dengan keperluan Enakmen Hutan 1968 atau syarat lesen yang dikeluarkan Jabatan Perhutanan Sabah.	661,683
2.	Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar	Akaun Amanah Bagi Kajian Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar di Sabah	Untuk mengakaun penyaluran dana daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan pelaksanaan kajian untuk mewujudkan program dan modul pendidikan alam sekitar bersama komuniti di Daerah Kudat dan Beaufort, Sabah.	202
3.	Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	Projek Khas Perumahan Nelayan	Untuk mengakaun penyaluran peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya bagi tujuan pelaksanaan dan pembayaran kerja kontrak dan perolehan di Projek Khas Perumahan Nelayan.	475,010
JUMLAH				1,156,895

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bagi Tahun 2018

ii. Akaun Amanah yang Ditutup

Pada tahun 2018, MOF telah meluluskan untuk menutup dua (2) Akaun Amanah Pelbagai yang tidak aktif berjumlah RM40,698. Butiran akaun amanah tersebut adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
AKAUN AMANAH YANG DITUTUP

BIL.	AKAUN AMANAH PELBAGAI	AMAUN (RM)
1.	Penutupan Bulan Kemerdekaan	30,693
2.	Program Latihan Khidmat Negara (PLK)	10,005
JUMLAH		40,698

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2018

8.5. Akaun Deposit

8.5.1. Pada akhir tahun 2018, deposit terdiri daripada 20 akaun berjumlah RM397.27 juta. Jumlah ini meningkat sejumlah RM17.61 juta atau 4.6% berbanding RM379.66 juta pada tahun 2017. Penyebab utama peningkatan akaun deposit adalah peningkatan akaun Deposit Am sejumlah RM45.07 juta atau 12.8% menjadi RM396.27 juta pada tahun 2018 berbanding RM351.20 juta pada tahun 2017. Peningkatan baki Akaun Deposit bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 42**.

8.5.2. Analisis Audit terhadap Deposit Am mendapati antara deposit yang meningkat dengan ketara pada tahun 2018 adalah Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan di Jabatan Kerja Raya. Deposit ini meningkat sejumlah RM32.30 juta atau 110% daripada sejumlah RM29.35 juta menjadi RM61.65 juta. Baki Deposit Am di Jabatan Pengairan dan Saliran juga meningkat sejumlah RM3.68 juta menjadi RM19.36 juta berbanding RM15.68 juta pada tahun 2017 disebabkan pertambahan pendeposit baru pada tahun 2018. Selain itu, peningkatan baki deposit juga disebabkan oleh pengwujudan Akaun Deposit Pelesen Kayu Balak di Jabatan Perhutanan pada tahun 2018 berjumlah RM16.06 juta pada akhir tahun. Akaun deposit ini diwujudkan disebabkan oleh pengkelasan semula akaun daripada kod Akaun Amanah ke Akaun Deposit.

JADUAL 42
JUMLAH DEPOSIT PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Jumlah Deposit	397.27	379.66	17.61	4.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan kerajaan negeri yang boleh dilupuskan atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman kerajaan negeri kepada perbadanan awam, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi lain yang masih belum dibayar balik. Pada tahun 2018, baki pinjaman

agensi kepada kerajaan negeri berjumlah RM1.202 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM47.30 juta atau 4.1% berbanding RM1.155 bilion pada tahun 2017. Peningkatan disebabkan kerajaan negeri telah mengeluarkan pinjaman baru kepada empat (4) agensi untuk 22 projek sejumlah RM85.24 juta di samping faedah dipermodalkan oleh dua (2) agensi sejumlah RM2.34 juta berbanding bayaran balik pinjaman oleh 11 agensi hanya berjumlah RM12.08 juta pada tahun 2017. Pergerakan baki pinjaman bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 43** manakala butiran lanjut mengenai pinjaman yang diterima pada tahun 2018 serta bayaran balik pinjaman oleh agensi adalah seperti dalam **Jadual 44**.

Baki pinjaman Agensi

RM1.202 bilion

Baki tanggungan bayaran balik pinjaman

RM614.93 juta

JADUAL 43
PERGERAKAN BAKI PINJAMAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Awam	424.12	392.40	31.72	8.1
2.	Badan Berkanun	773.70	760.12	13.58	1.8
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	2.21	0.00	2.21	100.0
4.	Agensi Lain	2.41	2.62	-0.21	-8.0
JUMLAH		1,202.44	1,155.14	47.30	4.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

JADUAL 44
TERIMAAN DAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA TAHUN 2018

BIL.	AGENSI	BAKI PINJAMAN 01.01.2018 (RM Juta)	PINJAMAN DIKELUARKAN DALAM TAHUN 2018 (RM Juta)	BAYARAN BALIK PINJAMAN (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2018 (RM Juta)
PERBADANAN AWAM					
1.	Perbadanan Pembangunan Borneo (Sabah) Sdn. Bhd.	35.40	10.00	0.99	44.41
2.	KKTP Sdn. Bhd.	2.92	0.00	0.00	2.92
3.	K.K.I.P. Sdn. Bhd.	249.57	6.00	6.01	249.56
4.	Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.	7.47	0.00	1.50	5.97
5.	Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd.	17.48	0.00	0.00	17.48
6.	Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.	47.56	0.00	0.00	47.56
7.	Sipitang Oil & Gas Development Corporation Sdn. Bhd.	7.00	0.00	0.78	6.22
8.	Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.	25.00	25.00	0.00	50.00
JUMLAH		392.40	41.00	9.28	424.12
BADAN BERKANUN					
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	187.58	3.13	5.27	185.44
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	36.67	2.10	1.02	37.75
3.	Majlis Ugama Islam Sabah	99.63	0.00	0.00	99.63
4.	Perbadanan Pinjaman Sabah	242.11	0.00	0.00	242.11
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	34.13	0.00	8.00	26.13
6.	Korporasi Pembangunan Desa	89.24	0.00	0.00	89.24
7.	Yayasan Usaha Maju	4.00	2.00	0.00	6.00
8.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	4.01	0.00	0.10	3.91
9.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	62.75	20.74	0.00	83.49
JUMLAH		760.12	27.97	14.39	773.70
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	0.00	2.21	0.00	2.21
JUMLAH		0.00	2.21	0.00	2.21
AGENSI LAIN					
1.	Koperasi Serbaguna Sanya Bhd.	2.62	0.00	0.21	2.41
JUMLAH		2.62	0.00	0.21	2.41
JUMLAH KESELURUHAN		1,155.14	70.90	23.88	1,202.44

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2018

9.1.2. Pada tahun 2018, baki tunggakan bayaran balik pinjaman telah menurun sejumlah RM187.39 juta atau 30.5% menjadi RM614.93 juta berbanding RM802.32 juta pada akhir tahun 2017 seperti dalam **Jadual 45**. Penurunan disebabkan oleh bayaran balik pinjaman, penepian faedah pinjaman serta penangguhan terhadap bayaran balik pinjaman satu (1) agensi iaitu Perbadanan Pinjaman Sabah berjumlah RM242.11 juta.

JADUAL 45
PERGERAKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA TAHUN 2018

BIL.	AGENSI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2018 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2018 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA TAHUN 2018 (RM Juta)	PELARASAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK/ DALAM TAHUN 2018 (RM Juta)	TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2018 (RM Juta)
PERBADANAN AWAM							
1.	KKTP Sdn. Bhd.	3.15	0.00	3.15	0.00	0.00	3.15
2.	K.K.I.P. Sdn. Bhd.	149.82	9.62	159.44	7.50	7.50	159.44
3.	Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.	32.43	0.00	32.43	0.00	26.45	5.98
4.	Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd.	11.51	2.12	13.63	0.00	0.00	13.63
5.	Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.	8.96	8.20	17.16	0.00	0.00	17.16
6.	Sipitang Oil & Gas Development Corporation Sdn. Bhd.	0.00	0.79	0.79	0.00	0.00	0.79
JUMLAH		205.87	20.73	226.60	7.50	33.95	200.15
BADAN BERKANUN							
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	205.54	2.69	208.23	0.77	7.00	202.00
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	26.09	2.22	28.31	-0.27	1.02	27.02
3.	Majlis Ugama Islam Sabah	42.43	3.50	45.93	0.00	0.00	45.93
4.	Perbadanan Pinjaman Sabah *	*175.00	0.00	175.00	1.08	175.00	1.08
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	34.13	0.00	34.13	0.00	8.00	26.13
6.	Korporasi Pembangunan Desa	104.76	0.00	104.76	0.00	0.00	104.76
7.	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah	0.73	0.00	0.73	0.00	0.73	0.00
8.	Yayasan Usaha Maju	2.00	0.00	2.00	0.00	0.00	2.00
9.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	2.01	0.40	2.41	0.00	0.10	2.31
JUMLAH		592.69	8.81	601.50	1.58	191.85	411.23
PIHAK BERKUASA TEMPATAN							
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu **	**0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
2.	Lembaga Bandaran Kudat***	***0.01	0.00	0.01	0.00	0.00	0.01
JUMLAH		0.01	0.00	0.01	0.00	0.00	0.01
AGENSI LAIN							
1.	Koperasi Serbaguna Sanya Bhd.	2.62	0.00	2.62	0.00	0.21	2.41
2.	Kelab Lumba Kuda Diraja Sabah	1.13	0.00	1.13	0.00	0.00	1.13
JUMLAH		3.75	0.00	3.75	0.00	0.21	3.54
JUMLAH KESELURUHAN		802.32	29.54	831.86	9.08	226.00	614.93

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2018

Nota : (*) – PPS – Tunggakan bayaran balik pokok ditangguh manakala faedah perlu dibayar setiap tahun.

(**) – Baki tunggakan faedah pinjaman DBKK - RM2,948.43

(***) – Baki tunggakan faedah pinjaman LBK - RM6,990.20

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan ekuiti oleh kerajaan negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada 31 Disember 2018, pelaburan kerajaan negeri di 53 perbadanan awam dan tiga (3) badan berkanun berjumlah RM6.664 bilion. Jumlah ini meningkat sejumlah RM86.99 juta atau 1.3% berbanding RM6.577 bilion pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 46**. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan ekuiti di

Pelaburan di 3 badan berkanun dan 53 perbadanan awam

RM6.664 bilion

Dividen diterima daripada satu (1) badan berkanun dan 12 perbadanan awam

RM88.82 juta

Peningkatan baki pelaburan

RM86.99 juta

Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd. sejumlah RM28.07 juta dan Tanjung Aru Eco Development Sdn. Bhd. sejumlah RM25 juta. Selain itu, peningkatan juga disebabkan oleh pertukaran faedah pinjaman kepada ekuiti di SAFMA sejumlah RM14.95 juta dan pertambahan sejumlah RM18.97 juta di Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd. dengan nilai buku RM1.475 per unit saham.

JADUAL 46
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	PELABURAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun	1,027.48	1,027.48	0.00	0.0
2.	Perbadanan Awam	5,636.25	5,549.26	86.99	1.6
JUMLAH		6,663.73	6,576.74	86.99	1.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

9.2.2. Sebanyak 38 Sijil Saham adalah atas nama Kerajaan Negeri Sabah. Sementara 18 Sijil Saham pula atas nama *Chief Minister Incorporated/Chief Minister of Sabah* kerana syarikat ditubuhkan di bawah Seksyen 2, *Chief Minister (Incorporation) Ordinance, 1949 (Sabah CAP 23)*. Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah mengesahkan bahawa kedua-dua nama yang digunakan ke atas saham milik kerajaan negeri adalah merujuk kepada satu entiti yang sama iaitu Kerajaan Negeri Sabah walaupun cara penubuhannya berbeza. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 47** dan **Jadual 48**.

JADUAL 47
SIJIL SAHAM ATAS NAMA KERAJAAN NEGERI

BIL.	BADAN BERKANUN/PERBADANAN AWAM	AMAUN (RM)	PEGANGAN SAHAM (%)
1.	Lembaga Pelaburan-Pelaburan Sabah	519,673,097.00	100.00
2.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	307,810,915.00	100.00
3.	Perbadanan Pinjaman Sabah	200,000,000.00	100.00
4.	Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.	48,416,478.56	100.00
5.	Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.	24,521,053.00	76.00

BIL.	BADAN BERKANUN/PERBADANAN AWAM	AMAUN (RM)	PEGANGAN SAHAM (%)
6.	Sabah Forest Industries Sdn. Bhd.	188,133,100.00	9.55
7.	BHMF Realty Sdn. Bhd.	3,000,000.00	30.00
8.	Kinabalu Motor Assembly Sdn. Bhd.	1,098,569.00	2.90
9.	Progresive Insurance Bhd.	40,499,269.00	87.71
10.	Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd.	29,600,000.00	42.67
11.	Saham Sabah Berhad	21,999,998.00	100.00
12.	Saham Amanah Sabah	250,000,000.00	-
13.	Warisan Harta Sbah Sdn. Bhd.	447,722,104.00	100.00
14.	Sabah Electricity Sdn. Bhd.	166,736,115.00	20.00
15.	Sabah Development Berhad	838,376,002.00	100.00
16.	Permodalan Bumiputra Sabah Bhd	98,801,400.00	49.70
17.	Sabah International Diaries Sdn. Bhd.	20,000,000.00	63.30
18.	Warisan Jayamakmur Sdn. Bhd.	3,500,000.00	100.00
19.	Desa Plus Sdn. Bhd.	2,432,000.00	100.00
20.	Desa Lestari Sdn. Bhd.	120,046,299.37	100.00
21.	Tongod Plantation Sdn. Bhd.	16,784,754.00	60.00
22.	Desa Cattle Sabah Sdn. Bhd.	1.00	-
23.	Desa Intergrated Food Industries Sdn. Bhd.	1.00	-
24.	Solidev Sdn. Bhd.	1.00	-
25.	Desa Restu Sdn. Bhd.	1.00	-
26.	Sabah Food Corporation Sdn. Bhd.	1.00	-
27.	Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd.	2.00	-
28.	Desa Hatcheru Sdn. Bhd.	1.00	-
29.	Desa Kurnia Sdn. Bhd.	2.00	-
30.	Bonarch Sdn. Bhd.	1.00	-
31.	Des Construction And Engineering Sdn. Bhd.	1.00	-
32.	Desa Shipping Corporation Sdn. Bhd.	1.00	-
33.	Cakur Manis Sdn. Bhd.	1.00	-
34.	Desa Villa Sdn. Bhd.	2.00	-
35.	Kalabakan Plantation Sdn. Bhd.	54,583,262.00	60.00
36.	Keningau Agro-Venture Sdn. Bhd.	50,000.00	5.00
37.	Sabah Capital Sdn. Bhd.	100,000.00	1.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018

JADUAL 48
SIJIL SAHAM ATAS NAMA CHIEF MINISTER
INCORPORATED/ CHIEF MINISTER OF SABAH

BIL.	PERBADANAN AWAM	AMAUN (RM)	PEGANGAN SAHAM (%)
1.	Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.	299,873,034.00	100.00
2.	KKTP Sdn. Bhd.	9,325,823.00	100.00
3.	KKIP Sdn. Bhd.	107,000,000.00	100.00
4.	Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.	645,000,000.00	100.00
5.	Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd.	303,655,379.00	100.00
6.	Sabah Oil And Gas Development Corporation Sdn. Bhd.	25,000,000.00	100.00
7.	Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.	98,155,127.00	99.99

BIL.	PERBADANAN AWAM	AMAUN (RM)	PEGANGAN SAHAM (%)
8.	Tabin Wildlife Holidays Sdn. Bhd.	7,109,590.00	100.00
9.	Sabah Multimedia-Info Centre Sdn. Bhd.	19,999,000.00	100.00
10.	Sabah Berjaya Sdn. Bhd.	300.00	1.96
11.	Rakyat Berjaya Sdn. Bhd.	100,000.00	1.96
12.	Innoprise Corporation Sdn. Bhd.	1,600,000.00	2.37
13.	Tanjung Aru Eco Development Sdn. Bhd.	65,000,000.00	100.00
14.	Turiya Bhd.	6,000,000.00	2.62
15.	Petronas Dagangan Berhad	1,000,000.00	0.10
16.	TH Heavy Engineering	560.00	-
17.	Malaysia Airport Holdings	4,500,000.00	0.27
18.	Suria Capital Holding Berhad	4,800,000.00	1.67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018


9.2.3. Sehingga akhir tahun 2018, kerajaan negeri telah menerima dividen berjumlah RM88.82 juta daripada 12 perbadanan awam dan satu badan berkanun. Kerajaan negeri juga menerima sejumlah RM40 juta *Tax Credit* daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri menjadikan keseluruhan dividen yang diterima pada tahun 2018 berjumlah RM128.82 juta. Kedudukan pelaburan kerajaan negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 dan jumlah pelaburan berbanding dividen diterima bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 49** dan **Carta 5**. Jumlah pelaburan pada tahun 2018 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

JADUAL 49
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BIL.	PELABURAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Perbadanan Awam	5,113.75	5,181.79	5,507.71	5,549.26	5,636.25
2.	Badan Berkanun	1,022.48	1,027.48	1,027.48	1,027.48	1,027.48
JUMLAH		6,136.23	6,209.27	6,535.19	6,576.74	6,663.73

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 hingga 2018

CARTA 5
JUMLAH PELABURAN BERBANDING
DIVIDEN DITERIMA PADA TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 hingga 2018

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Hutang Awam terdiri daripada pelbagai pinjaman dalam dan luar negeri. Ini termasuklah pinjaman yang diterima oleh kerajaan negeri dari semasa ke semasa daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Selain itu, hutang kerajaan negeri juga meliputi Bon Terbitan dengan nilai nominal berjumlah RM1 bilion yang diterbitkan pada tahun

Baki hutang awam
RM3.794 bilion

Penurunan baki hutang awam
RM77.57 juta

Tunggakan hutang awam
RM0.00

2014. Pada akhir tahun 2018, baki hutang kerajaan negeri berjumlah RM3.794 bilion berbanding RM3.872 bilion pada akhir tahun 2017, iaitu menurun sejumlah RM77.57 juta atau 2%. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM145.74 juta lebih tinggi berbanding pinjaman yang diterima pada tahun 2018 hanya sejumlah RM68.17 juta.

9.3.2. Bayaran balik pinjaman sejumlah RM145.74 juta adalah untuk pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah, Bekalan Air, Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Pelbagai masing-masing sejumlah RM3.74 juta, RM98.52 juta, RM1.43 juta dan RM42.05 juta. Selain itu, kerajaan negeri juga telah membuat bayaran balik faedah sejumlah RM5.30 juta kepada Kerajaan Persekutuan terhadap Pinjaman Perumahan Kos Rendah sejumlah RM1.31 juta, Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri sejumlah RM344,548 dan Pelbagai sejumlah RM3.64 juta. Sementara pinjaman baru yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah untuk pinjaman Bekalan Air sejumlah RM38.20 juta dan Pelbagai sejumlah RM29.97 juta. Kedudukan hutang kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 50**.

JADUAL 50
KEDUDUKAN HUTANG AWAM KERAJAAN
NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	29.50	33.24	-3.74	-12.7
2.	Bekalan Air	1,656.13	1,716.46	-60.33	-3.6
3.	Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri	7.18	8.61	-1.43	-19.9
4.	Pelbagai	1,101.32	1,113.39	-12.07	-1.1
5.	Bon Terbitan	1,000.00	1,000.00	0.00	0.0
JUMLAH		3,794.13	3,871.70	-77.57	-2.0

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

9.3.3. Kerajaan negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan terhadap pinjaman Skim Saham Amanah Sabah berjumlah RM29.60 juta termasuk faedah sejumlah RM9.60 juta pada tahun 2017. Kerajaan

Persekutuan bersetuju mengenepikan faedah tunggakan pinjaman sejumlah RM9.60 juta dan menstruktur semula bayaran balik pokok sejumlah RM20 juta menyebabkan tiada lagi tunggakan terhadap pinjaman ini bagi tahun 2018. Perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 10 Januari 2018 dengan tempoh bayaran balik selama lima (5) tahun (suku tahunan) mulai 13 Februari 2018 hingga 13 November 2022. Pada tahun 2018, bayaran balik pinjaman sejumlah RM3.69 juta telah dibuat mengikut jadual bayaran balik yang telah dipersetujui. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 51**.

JADUAL 51
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0.0
2.	Pelbagai	0.00	29.60	-29.60	-100.0
JUMLAH		0.00	29.60	-29.60	-100.0

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Bagi Tahun 2017 dan **2018**

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

10.1. Tunggakan Hasil

10.1.1. Pada akhir tahun 2018, tunggakan hasil negeri adalah berjumlah RM508.80 juta, iaitu menurun sejumlah RM26.09 juta atau 4.9% berbanding tunggakan pada tahun 2017 yang berjumlah RM534.89 juta. Tunggakan hasil mengikut butiran hasil pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 52**.

JADUAL 52
TUNGGAKAN HASIL PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Air	239.96	257.53	-17.57	-6.8
2.	Faedah Pinjaman	128.72	151.46	-22.74	-15.0
3.	Cukai Tanah	100.33	83.26	17.07	20.5
4.	Jualan Sarang Burung	28.60	28.27	0.33	1.2
5.	Cukai Pelabuhan, Dermaga dan Hasil Pelbagai	4.52	3.04	1.48	48.7
6.	Lain-lain Hasil	6.67	11.33	-7.21	-63.6
JUMLAH		508.80	534.89	-26.09	-4.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2018

Tunggakan hasil
RM508.80 juta

Penyumbang terbesar:

1. Air – RM239.96 juta
2. Faedah Pinjaman – RM128.72 juta
3. Cukai Tanah – RM100.33 juta

Tunggakan hasil yang meningkat:

1. Cukai Tanah – 20.5%
2. Jualan Sarang Burung – 1.2%
3. Cukai Pelabuhan, Dermaga dan Hasil Pelbagai – 48.7%

10.1.2. Analisis Audit terhadap justifikasi peningkatan atau penurunan tunggakan hasil terhadap tunggakan Hasil Air, Faedah Pinjaman, Cukai Tanah, Jualan Sarang Burung dan Cukai Pelabuhan, Dermaga dan Hasil Pelbagai mendapati perkara berikut:

- a. tunggakan cukai tanah telah meningkat sejumlah RM17.07 juta atau 20.5% disebabkan oleh bayaran cukai tanah bagi geran yang didaftarkan dalam tahun 2018 belum dijelaskan. Selain itu, masih terdapat agensi yang belum menjelaskan tunggakan Cukai Tanah sehingga tahun 2018 seperti Warisan Harta Sdn. Bhd. berjumlah RM6.90 juta, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar berjumlah RM2.40 juta, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah berjumlah RM250,000 dan Sabah Urban Development Corporation berjumlah RM1.90 juta. Selebihnya adalah tunggakan dari geran *Native Title* dan *Free Register* yang dimiliki majoritinya daripada golongan kurang berkemampuan;
- b. tunggakan Cukai Pelabuhan, Dermaga dan Hasil Pelbagai turut meningkat sejumlah RM1.48 juta atau 48.7% disebabkan oleh agen perkapalan yang membuat pembayaran melalui ibu pejabat mereka di Kuala Lumpur di mana proses pembayaran mengambil masa antara dua (2) hingga tiga (3) minggu. Selain itu, bil yang dikeluarkan pada bulan Disember 2018 tidak sempat dibayar oleh agen perkapalan dalam bulan semasa dan bayaran dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya;
- c. tunggakan Jualan Sarang Burung juga turut meningkat sejumlah RM325,000 atau 1.2%. Sebanyak 12 syarikat masih belum menyelesaikan tunggakan Jualan Sarang Burung dari tahun 2000 hingga 2016 berjumlah RM28.60 juta menyebabkan tunggakan tidak berkurang. Jabatan Hidupan Liar telah memanjangkan kes kegagalan syarikat yang belum menjelaskan tunggakan Hasil Jualan Sarang Burung tahun 2000 hingga 2016 kepada Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah untuk tindakan lanjut. Selain itu, mekanisme baru diwujudkan untuk memastikan tiada tunggakan oleh syarikat seperti meminta deposit dan membenarkan syarikat yang tiada tunggakan sahaja menyambung kontrak ataupun tender baru;
- d. tunggakan Hasil Air telah menurun sejumlah RM17.57 juta atau 6.8% disebabkan oleh tindakan jabatan menjalankan operasi pemotongan bekalan air tertunggak secara besar-besaran di seluruh daerah Negeri Sabah. Pengguna air

perlu membayar tunggakan bil air untuk mengelak bekalan air dipotong dan ini menyumbang kepada penurunan tunggakan Hasil Air; dan

- e. tunggakan Hasil Faedah Pinjaman juga menurun sejumlah RM22.74 juta atau 15% disebabkan oleh antaranya bayaran balik faedah pinjaman oleh SEDCO sejumlah RM1.73 juta, K.K.I.P Sdn. Bhd. sejumlah RM1.49 juta, Perbadanan Pinjaman Sabah sejumlah RM844,437 dan Perbadanan Pembangunan Borneo sejumlah RM615,942.50. Selain itu, sejumlah RM14.95 juta faedah pinjaman SAFMA telah ditukar kepada ekuiti dan penepian faedah pinjaman Ko-Nelayan berjumlah RM724,378.

11. RUMUSAN AUDIT

11.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan kerajaan negeri pada tahun 2018 adalah kukuh berdasarkan perkara seperti berikut:

11.1.1. Kumpulan Wang Disatukan kerajaan negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM970.89 juta atau 34.6% daripada RM2.803 bilion pada tahun 2017 kepada RM3.774 bilion pada tahun 2018;

11.1.2. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih sejumlah RM62.57 juta menjadikan baki terkumpul meningkat kepada RM3.860 bilion pada tahun 2018;

11.1.3. Akaun Amanah Disatukan menunjukkan penurunan baki debit berjumlah RM908.32 juta atau 91.4% menjadi baki debit sejumlah RM85.85 juta berbanding baki debit sejumlah RM994.17 juta pada tahun 2017;

11.1.4. tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun kepada RM614.93 juta pada tahun 2018 berbanding RM802.32 juta pada tahun 2017;

11.1.5. tiada tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 berbanding sejumlah RM29.60 juta pada tahun 2017;

11.1.6. tunggakan hasil telah menurun sejumlah RM26.09 juta kepada RM508.80 juta pada tahun 2018 berbanding RM534.89 juta pada tahun 2017; dan

11.1.7. prestasi pelaksanaan RMKe-11 adalah baik di mana sejumlah RM851.53 juta atau 73.9% daripada peruntukan sejumlah RM1.151 bilion telah dibelanjakan pada tahun 2018. Selain itu, sebanyak 5,580 projek atau 91.5% telah siap dilaksanakan. Hanya 0.3% atau 20 projek yang diselia oleh lima (5) kementerian lewat disiapkan.

12. SYOR AUDIT

12.1. Bagi menambah baik prestasi kewangan kerajaan negeri adalah disyorkan mengambil langkah seperti berikut:

12.1.1. memperkasakan penguatkuasaan kutipan hasil kerajaan negeri bagi memastikan semua hasil kerajaan negeri dikutip, direkod dan diambil kira sebagai hasil;

12.1.2. memperkemas anggaran belanjawan agar peruntukan yang diluluskan memenuhi keperluan operasi kementerian/jabatan, dibelanjakan sebagaimana yang dirancang dan tidak perlu dibayar melalui Akaun Pendahuluan Diri;

12.1.3. Menu Liabiliti dalam Sistem Pembayaran S3P digunakan sepenuhnya untuk memastikan perbelanjaan mempunyai peruntukan dan pembayaran segera dibuat apabila bekalan/perkhidmatan/kerja telah disempurnakan/disiapkan;

12.1.4. menyediakan peruntukan tambahan bagi menyelesaikan baki debit Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Pinjaman dan Akaun Perniagaan sama ada secara berperingkat atau secara sekali gus;

12.1.5. memastikan Akaun Semasa Antara Pentadbiran disifarkan pada setiap akhir tahun kerana ianya mengakaunkan secara sementara perbelanjaan yang kemudiannya diimbuh balik oleh kementerian/jabatan berkaitan;

12.1.6. mewujudkan mekanisme yang berkesan untuk mengutip tunggakan hasil berjumlah RM508.80 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada agensi negeri berjumlah RM614.93 juta pada tahun 2018;

12.1.7. memastikan pelarasan untuk hapus kira tunggakan hasil dan penepian faedah yang telah diluluskan diambil tindakan segera;

12.1.8. mengadakan latihan berterusan untuk meningkatkan kecekapan pegawai serta minimakan kuiri Jabatan Bendahari Negeri Sabah;

12.1.9. meneruskan amalan perbelanjaan berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat; dan

12.1.10. memastikan pelaksanaan projek pembangunan mengikut jadual agar dapat dimanfaatkan.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN AGENSI NEGERI

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018	Bilangan agensi negeri 18 Badan Berkanun Negeri 25 Pihak Berkuasa Tempatan 2 Majlis Ugama Islam	34 akaun yang telah disahkan 22 Pendapat Tanpa Teguran 7 Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i> 5 Pendapat Berteguran
Badan Berkanun Negeri ↑ RM68.53 juta Lebihan Semasa ↑ RM26.22 juta Aset Semasa Bersih	Pihak Berkuasa Tempatan ↑ RM8.48 juta Lebihan Semasa ↑ RM1.94 juta Aset Semasa Bersih	Cukai Taksiran ↑ RM8.10 juta Semasa ↑ RM6.61 juta Tunggakan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah. Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 45 penyata kewangan bagi tahun 2018 untuk agensi 18 BBN, 25 PBT dan dua (2) MAI. Daripada jumlah tersebut, 18 merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri dan Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997. Sebanyak 25 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan ditubuhkan di bawah Akta Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961) dan dua (2) MAI iaitu Majlis Ugama Islam Sabah dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah masing-masing ditubuhkan dibawah Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah (Pindaan) 2004 (Enakmen 5/2004) dan Enakmen Perbadanan Baitulmal No. 11 Tahun 1998 (Enakmen 11/1998). Pada 8 Mac 2018, Majlis Daerah Tongod telah ditubuhkan dan diwartakan Kerajaan Negeri Sabah melalui Suratcara yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah di

bawah Seksyen 3, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (No.11 Tahun 1961). Ini menjadikan bilangan penyata kewangan agensi negeri yang diaudit meningkat daripada 44 kepada 45 pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terus terhadap penyata kewangan bagi Majlis Ugama Islam Sabah, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah, Yayasan Tun Fuad, Majlis Daerah Kunak, Majlis Daerah Beluran, Majlis Daerah Pitas dan Majlis Daerah Tongod manakala baki 17 penyata kewangan BBN dan 21 kewangan PBT dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2019, 17 BBN, 25 PBT serta dua (2) MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Daripada 44 agensi terlibat, 34 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2019. Lapan (8) agensi iaitu Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, Korporasi Pembangunan Desa Sabah, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah, Majlis Daerah Tuaran, Majlis Daerah Semporna, Majlis Daerah Keningau dan Majlis Daerah Tongod mengemukakan selepas tempoh yang ditetapkan tetapi mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Dua (2) agensi iaitu Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah serta Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah mengemukakan penyata kewangan melebihi tempoh yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah iaitu sebelum atau pada 31 Julai 2019. Yayasan Tun Fuad belum mengemukakan penyata kewangan kerana Lembaga Pemegang Amanah yang baru belum dilantik. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	31.01.2019
2.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	26.03.2019
3.	Lembaga Industri Getah Sabah	02.04.2019
4.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	23.04.2019
5.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	24.04.2019
6.	Lembaga Pelancongan Sabah	24.04.2019
7.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	29.04.2019

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
8.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	30.04.2019
9.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	30.04.2019
10.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	30.04.2019
11.	Yayasan Sabah	30.04.2019
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	29.05.2019
13.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	19.06.2019
14.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	28.06.2019
15.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah	07.08.2019
16.	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah	16.08.2019
17.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	19.08.2019
18.	Yayasan Tun Fuad	BT
MAJLIS UGAMA ISLAM		
1.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	23.04.2019
2.	Majlis Ugama Islam Sabah	30.04.2019
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Tawau	02.01.2019
2.	Majlis Daerah Nabawan	02.01.2019
3.	Majlis Daerah Tenom	21.01.2019
4.	Lembaga Bandaran Kudat	19.02.2019
5.	Majlis Daerah Kuala Penyu	21.02.2019
6.	Majlis Daerah Kota Belud	22.02.2019
7.	Majlis Daerah Kota Marudu	22.02.2019
8.	Majlis Daerah Beluran	27.02.2019
9.	Majlis Daerah Kunak	16.04.2019
10.	Majlis Daerah Beaufort	23.04.2019
11.	Majlis Daerah Penampang	24.04.2019
12.	Majlis Perbandaran Sandakan	25.04.2019
13.	Majlis Daerah Putatan	25.04.2019
14.	Majlis Daerah Pitas	26.04.2019
15.	Majlis Daerah Ranau	29.04.2019
16.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	30.04.2019
17.	Majlis Daerah Kinabatangan	30.04.2019
18.	Majlis Daerah Lahad Datu	30.04.2019
19.	Majlis Daerah Papar	30.04.2019
20.	Majlis Daerah Sipitang	30.04.2019
21.	Majlis Daerah Tambunan	30.04.2019
22.	Majlis Daerah Tuaran	25.06.2019
23.	Majlis Daerah Semporna	26.06.2019
24.	Majlis Daerah Keningau	28.06.2019
25.	Majlis Daerah Tongod	15.08.2019

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota: (BT) – Belum Terima

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh Agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu

mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/ *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Penyediaan penyata kewangan bagi PBT Negeri Sabah pula adalah berasaskan perakaunan tunai berdasarkan Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah Tahun 1961 Bilangan 273 (Appendix T).

4.3. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh Agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards</i> (MPERS)	17
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards</i> (MFRS)/ <i>Financial Reporting Standards</i> (FRS)	3
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i> (MPSAS)	0
4.	Asas perakaunan tunai di bawah Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah Tahun 1961 Bilangan 273 (Appendix T)	25
JUMLAH		45

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disedia berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

5.2. Pendapat Bolehubah

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah seperti berikut:

5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Perenggan *Emphasis of Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

b. Perenggan Perkara Lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan yang pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa

kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

c. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 34 penyata kewangan tahun 2018 iaitu 11 penyata kewangan BBN, 22 penyata kewangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI. Kesemua 34 penyata kewangan BBN, MAI dan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diaudit dan diberikan Pendapat Tanpa Teguran kecuali tujuh (7) penyata kewangan diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan lima (5) penyata kewangan diberikan Pendapat Berteguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2014 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2014 SEHINGGA 2018

BIL	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2014	2015	2016	2017	2018
1.	Pendapat Tanpa Teguran	41	41	38	31	22
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	2	1	4	8	7
3.	Pendapat Berteguran	1	2	2	5	5
4.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0	0
5.	Penafian Pendapat	0	0	0	0	0
JUMLAH		44	44	44	44	34

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014 – 2018

Pensijilan Tahun Kewangan 2018



2 BBN, 1 MAI dan 2 PBT
diberi Pendapat Berteguran

2 BBN & 5 PBT
Diberi Pendapat Tanpa
Teguran dengan *Emphasis of Matter*

5.4. Bagi tahun kewangan 2018, sebanyak tujuh (7) penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 15 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran.

5.5. Sebanyak tujuh (7) iaitu dua (2) penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan lima (5) penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA
TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTER</i>
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	Pada tahun 2018, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu membuat perbelanjaan melebihi bajet yang diluluskan sejumlah RM16.24 juta berbanding tahun 2017 sejumlah RM5.79 juta. Perkara ini merupakan isu berulang yang perlu diselesaikan segera.
2.	Majlis Daerah Penampang	i. Sejumlah RM724,227.04 penerimaan melalui EFT belum direkod ke dalam buku tunai. ii. Sejumlah RM251,323.16 terimaan tidak dikenal pasti telah dideposit dalam akaun bank Majlis Daerah Penampang tetapi belum direkod ke dalam buku tunai sejak tahun 1999.
3.	Majlis Daerah Papar	i. Penghutang Pelbagai berjumlah RM4,131 tiada pergerakan sejak tahun 1983 dan tindakan penyelesaian belum diambil. ii. Pungutan bagi pihak agensi kerajaan dan swasta berjumlah RM11,446 masih belum diselesaikan. iii. Pertaruhan Am-Deposit Tidak Dituntut berjumlah RM7,050 merupakan deposit yang belum dituntut sejak tahun 1992 dan belum ada tindakan penyelesaian. iv. Baki Bantuan Kapital berjumlah RM86,813 dan Bantuan Khas berjumlah RM401,706 melebihi 5 tahun masih belum diselesaikan. v. Cek yang telah melebihi tempoh laku berjumlah RM112,211.98 sejak tahun 2014 masih belum diselesaikan.
4.	Majlis Perbandaran Sandakan	Daftar bil di Bahagian Operasi tidak disenggara dengan lengkap dan kemas kini. i. Wujudnya bil utiliti dan penyenggaraan kenderaan tidak direkod ke dalam Daftar Bil. ii. Perbezaan rekod bil antara Daftar Bil dan Buku Vot. iii. Pembayaran bil melebihi 14 hari. iv. Format Daftar Bil tidak memenuhi AP103 dan FILAS 154.
5.	Majlis Daerah Tenom	i. Tunggakan hasil meningkat daripada RM654,926 kepada RM3.26 juta pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. ii. Tanggungan berjumlah RM2,794 tiada pergerakan sejak tahun 2015. iii. Baki yang dibawa ke hadapan dari tiga tahun lepas untuk pelbagai jenis Bantuan Kerajaan Negeri dan Persekutuan berjumlah RM569,037 masih tidak diselaraskan dan tindakan untuk dipindahkan sebagai hasil belum dilakukan. iv. 10 baucar bayaran tidak mempunyai dokumen sokongan lengkap melibatkan tuntutan bayaran balik pembelian minyak diesel kenderaan agensi berjumlah RM2,900.
6.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB)	i. Laporan kewangan bagi dua (2) syarikat subsidiari iaitu Supernesa Sdn. Bhd. dan Superpanel (Sabah) Sdn. Bhd. telah diberikan Pendapat <i>Emphasis of Matter</i> oleh juruaudit masing-masing berdasarkan kedudukan ekuiti yang defisit. ii. Jumlah hutang terkumpul bagi dua (2) syarikat subsidiari tersebut telah meningkat sebanyak RM3.20 juta pada tahun 2018. Keupayaan syarikat subsidiari berkenaan untuk terus beroperasi dan berdaya maju adalah bergantung bantuan kewangan yang berterusan daripada syarikat induk.
7.	Lembaga Sukan Negeri Sabah (LSNS)	i. Tunggakan Penghutang, Deposit dan Prabayar bagi enam (6) lejer subsidiari dari tahun 1978 hingga 2013 adalah berjumlah RM2.28 juta. Pada tahun 2018, LSNS telah membuat hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu masing-masing berjumlah RM362,663 dan RM128,418. Sehingga 31 Disember 2018, baki tunggakan hutang tersebut adalah berjumlah RM1.79 juta yang masih belum dikutip.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5.6. Sebanyak dua (2) penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, satu (1) penyata kewangan MAI dan dua (2) penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN
PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	i. Dua (2) daripada 10 penyata kewangan syarikat subsidiari yang disatukan dengan akaun kumpulan adalah akaun pengurusan, manakala lapan (8) syarikat subsidiari lagi pengauditannya belum dimuktamadkan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan penyata kewangan kumpulan. ii. Sejumlah RM17.19 juta daripada RM30.47 juta Lain-lain Penghutang adalah terdiri daripada hutang oleh Keningau Palm Oil Mill Sdn. Bhd. sejak tahun 2013 berjumlah RM15.82 juta dan Warisan Jayakmakmur Sdn. Bhd. berjumlah RM1.37 juta. Tiada peruntukan hutang ragu dibuat untuk baki hutang Lain-lain Penghutang ini.
2.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	i. Merujuk Nota Kepada Penyata Kewangan, jumlah dihutang oleh kerajaan negeri pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM144.41 juta. Hutang tersebut wujud daripada penswastan aktiviti pelabuhan yang telah selesai pada tahun 2003 dan perlu dibayar oleh Sabah Port Sdn. Bhd. (syarikat konsesi) kepada LPPS pada tahun 2004 berdasarkan perjanjian penswastan bertarikh 23 September 2003. Bagaimanapun, hutang tersebut telah dinyatakan pada penyata kewangan sebagai hutang kerajaan negeri dan bukannya hutang syarikat konsesi berdasarkan perjanjian penswastan dan tiada pergerakan terhadap kedudukan hutang ini sejak tahun 2004. Pihak Audit tidak dapat menentukan keupayaan LPPS mengutip hutang tersebut dan tiada peruntukan hutang ragu dibuat.
3.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	Dikecualikan untuk dilaporkan dalam Dewan Undangan Negeri.
4.	Majlis Daerah Beaufort	i. Bayaran berjumlah RM86,427.64 belum dikemas kini di buku tunai. ii. Sejumlah RM18,133 faedah simpanan tetap tidak diambil kira di penyata kewangan.
5.	Majlis Daerah Ranau	i. Buku tunai tidak dikemas kini menyebabkan perbezaan baki tunai sejumlah RM163,078 dengan penyata bank. ii. Penerimaan Caruman Pemeliharaan Halaman Negeri dan Bantuan Khas dari kerajaan negeri berjumlah RM1.28 juta telah berkurangan nyata dalam Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit beserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Kesemua 43 penyata kewangan tahun 2017 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. Setakat 31 Ogos 2019, enam (6) daripada 33 penyata kewangan agensi bagi tahun 2018 yang disahkan dan dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2019

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PENYATA KEWANGAN 2017		
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	13.12.2018
2.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	13.12.2018
3.	Lembaga Industri Getah Sabah	15.04.2019
4.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	13.08.2018
5.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	13.12.2018
6.	Lembaga Pelancongan Sabah	13.12.2018
7.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	13.12.2018
8.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	13.12.2018
9.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	13.12.2018
10.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	13.12.2018
11.	Yayasan Sabah	13.12.2018
12.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	13.12.2018
13.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	13.12.2018
14.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	15.04.2019
15.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	13.12.2018
16.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah	15.04.2019
17.	Yayasan Tun Fuad	15.04.2019
18.	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah	13.12.2018
19.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	DIKECUALIKAN
20.	Majlis Ugama Islam Sabah	13.12.2018
21.	Majlis Perbandaran Tawau	13.08.2018
22.	Majlis Daerah Nabawan	13.08.2018
23.	Majlis Daerah Tenom	13.08.2018
24.	Lembaga Bandaran Kudat	13.12.2018
25.	Majlis Daerah Kuala Penyu	13.12.2018
26.	Majlis Daerah Kota Belud	15.04.2019
27.	Majlis Daerah Kota Marudu	13.12.2018
28.	Majlis Daerah Beluran	13.12.2018
29.	Majlis Daerah Kunak	13.12.2018
30.	Majlis Daerah Beaufort	13.12.2018
31.	Majlis Daerah Penampang	13.12.2018
32.	Majlis Perbandaran Sandakan	13.12.2018
33.	Majlis Daerah Putatan	13.12.2018
34.	Majlis Daerah Pitas	13.12.2018
35.	Majlis Daerah Ranau	13.12.2018
36.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	13.12.2018
37.	Majlis Daerah Kinabatangan	13.12.2018

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PENYATA KEWANGAN 2017		
38.	Majlis Daerah Lahad Datu	13.12.2018
39.	Majlis Daerah Papar	15.04.2019
40.	Majlis Daerah Sipitang	13.12.2018
41.	Majlis Daerah Tambunan	13.12.2018
42.	Majlis Daerah Tuaran	13.12.2018
43.	Majlis Daerah Semporna	13.08.2018
44.	Majlis Daerah Keningau	13.12.2018
PENYATA KEWANGAN 2018		
1.	Lembaga Pelancongan Sabah	06.08.2019
2.	Majlis Perbandaran Tawau	06.08.2019
3.	Majlis Daerah Nabawan	06.08.2019
4.	Majlis Daerah Tambunan	06.08.2019
5.	Majlis Daerah Kuala Penyu	06.08.2019
6.	Majlis Daerah Kota Belud	06.08.2019

Sumber: Rekod Dewan Undangan Negeri Sabah Setakat 31 Ogos 2019

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi agensi. Analisis prestasi kewangan agensi disediakan berdasarkan kepada 33 daripada 34 penyata kewangan agensi bagi tahun 2018 yang memperoleh Pendapat Tanpa Teguran termasuk Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan Pendapat Berteguran. Baki satu (1) MAI iaitu Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah tidak diambil kira prestasi kewangannya kerana akta tubuhnya tidak menghendaki penyata kewangannya dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri.

7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

7.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan 11 BBN bagi tahun 2018 adalah baik berbanding tahun 2017. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM100.30 juta atau 9.5%. Jumlah aset juga meningkat sejumlah RM163.72 juta atau 3.3%. Aset bersih semasa meningkat sejumlah RM26.22 juta atau 0.7% berbanding tahun 2017. Lebihan pendapatan semasa telah meningkat sejumlah RM68.53 juta atau 123.9% kepada RM123.86 juta pada tahun 2018 berbanding lebihan RM55.33 juta pada tahun 2017. Prestasi kewangan 11 BBN bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 DAN 31 DISEMBER 2018

BIL.	PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebih Pendapatan Berkumpul	1,155.48	1,055.18	100.30	9.5
2.	Jumlah Aset	5,056.73	4,893.01	163.72	3.3
3.	Aset Bersih Semasa	3,666.97	3,640.75	26.22	0.7
4.	Lebih Pendapatan Semasa	123.86	55.33	68.53	123.9

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

Prestasi Kewangan BBN 2018



9 BBN - lebihan
2 BBN - defisit

1 BBN (LKTNS)
liabiliti semasa bersih

7.1.2. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, sembilan (9) BBN mencatatkan lebihan manakala dua (2) BBN iaitu Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah mencatatkan defisit. Perbadanan Pinjaman Sabah memperoleh lebihan pendapatan tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berjumlah RM59.24 juta. Satu (1) BBN mengalami liabiliti semasa bersih iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) berjumlah RM42.48 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN
NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	BBN	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018		
		HASIL (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	154.77	95.53	59.24	2,890.04	1,245.96	1,644.08
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	12.99	13.63	-0.64	3.47	1.01	2.46
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	3.93	2.76	1.17	17.98	2.48	15.50
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	30.42	23.35	7.08	54.47	3.24	51.23
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	362.85	330.98	31.87	247.09	12.13	234.96
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	28.81	27.99	0.82	11.12	2.33	8.79
7.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	16.98	11.47	5.51	20.27	1.63	18.64
8.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	3.71	4.36	-0.65	6.30	0.36	5.94
9.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	29.23	20.23	8.7	206.80	122.37	84.43
10.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	38.216	28.81	9.4	131.17	40.81	90.36
11.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	51.04	49.68	1.36	78.21	120.70	-42.48
JUMLAH		732.95	608.79	123.86	3,666.92	1,553.02	2,113.91

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

7.1.3. Analisis Aset

- a. Aset BBN merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada komponen utama seperti hartanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang dimiliki oleh 11 BBN adalah bernilai RM5.057 bilion berbanding RM4.893 bilion pada 31 Disember 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM163.73 juta atau 3.3%. Lembaga Pelancongan Sabah mencatatkan peningkatan nilai aset yang ketara pada 31 Disember 2018 iaitu sejumlah RM14.51 juta atau 33.4%. Kedudukan aset pada 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI
PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 31 DISEMBER 2018

BIL.	BBN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2,930.19	2,893.37	36.82	1.3
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	4.40	5.74	-1.34	-23.3
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	17.98	14.39	3.59	24.9
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	57.90	43.39	14.51	33.4
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	288.93	270.61	18.32	6.8
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	15.80	15.89	-0.09	-0.6
7.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	130.44	123.04	7.40	6.0
8.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	9.93	10.56	-0.63	-6.0
9.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	237.61	213.52	24.09	11.3
10.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	594.58	611.15	-16.57	-2.7
11.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	768.92	691.29	77.63	11.2
JUMLAH		5,056.68	4,892.95	163.73	3.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

- b. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih menurun sejumlah RM663,878 atau 0.03% iaitu daripada RM2.115 bilion pada 31 Disember 2017 kepada RM2.114 bilion pada 31 Disember 2018. Satu (1) BBN mencatatkan liabiliti semasa bersih iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah. Kedudukan aset semasa bersih pada 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

Jumlah aset 11 BBN
RM5.057 bilion
Jumlah aset bersih semasa
RM2.114 bilion
Peningkatan jumlah aset 11 BBN
RM163.73 juta
(3.3%)

JADUAL 10
KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH
PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 31 DISEMBER 2018

BIL.	BBN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	1,644.07	1,582.03	62.04	3.9
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2.46	2.77	-0.31	-11.2
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	15.49	13.46	2.03	15.1
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	51.23	44.28	6.95	15.7
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	234.96	201.33	33.63	16.7
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	8.78	7.87	0.91	11.6
7.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	18.64	53.64	-35.00	-65.2
8.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	5.94	6.57	-0.63	-9.6
9.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	84.43	67.47	16.96	25.1
10.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	90.36	108.19	-17.83	-16.5
11.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	-42.48	26.93	-69.41	-257.7
JUMLAH		2,113.88	2,114.54	-0.66	-0.03

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

7.1.4. Analisis Pelaburan

Pada 31 Disember 2018, jumlah pelaburan bagi 11 BBN adalah sejumlah RM253.04 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, pelaburan hartanah, pelaburan saham tersiar harga dan lain-lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah menurun sejumlah RM99.92 juta atau 28.3% iaitu daripada RM352.96 juta pada 31 Disember 2017. Kedudukan pelaburan BBN pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

Jumlah pelaburan 11
syarikat
BBN bersekutu

RM253.04 juta

Penurunan pelaburan 11
BBN

**RM99.92 juta
atau 28.3%**

Pelaburan syarikat

RM31.34 juta

JADUAL 11
KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN
NEGERI PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 31 DISEMBER 2018

BIL.	BBN	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		LAIN-LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	0.00	0.00	4.12	4.12	10.68	9.38	14.8	13.51
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	0.00	0.00	0.00	0.00	1.86	1.78	1.86	1.78
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	0.00	0.00	0.00	0.00	7.92	2.8	7.92	2.81
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	2.19	2.19	0.00	0.00	0.2	0.22	2.4	2.42
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	20.01	20.01	0.00	0.00	1.36	134.53	21.37	154.55
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	0.00	0.00	0.00	0.00	6.00	5.70	6.00	5.70

BIL.	BBN	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		LAIN-LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
7.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	0.00	0.00	36.25	1.60	12.14	19.35	48.39	20.95
8.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	0.00	0.00	0.00	0.00	6.94	6.48	6.94	6.48
9.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	5.84	5.84	0.00	0.00	66.67	33.65	72.52	39.49
10.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	0.001	0.001	0.00	0.00	4.16	4.87	4.17	4.86
11.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	3.30	6.86	2.30	2.30	61.06	91.25	66.67	100.41
JUMLAH		31.34	34.90	42.67	8.02	178.99	310.01	253.04	352.96

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

7.1.5. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pemiutang, deposit dan pendahuluan. Jumlah liabiliti bagi 11 BBN meningkat sejumlah RM57.53 juta atau 1.8% iaitu daripada RM3.119 bilion pada 31 Disember 2017 kepada RM3.177 bilion pada 31 Disember 2018. Tujuh (7) BBN mencatatkan peningkatan liabiliti iaitu Perbadanan Pinjaman Sabah,

Lembaga Pelancongan Sabah, Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah, Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah, Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar serta Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah (KWPGS) mencatat peningkatan nilai liabiliti paling ketara iaitu sejumlah RM2.48 juta atau melebihi 100% disebabkan peningkatan pendahuluan kepada Lembaga Getah Negeri Sabah dan mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah seperti kehendak enakmen. Kedudukan liabiliti BBN adalah seperti dalam **Jadual 12**.

Jumlah liabiliti 11 BBN
RM3.177 bilion

Peningkatan liabiliti
7 BBN

Peningkatan liabiliti paling tinggi - KWPGS
RM2.48 juta

JADUAL 12
KEDUDUKAN LIABILITI BADAN BERKANUN
NEGERI PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 31 DISEMBER 2018

BIL.	BBN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2,362.88	2,357.88	5.00	0.2
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	1.13	1.79	-0.66	-36.9
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	2.49	0.007	2.48	35,328.6
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	3.24	2.67	0.57	21.4
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	83.29	97.22	-13.93	-14.3
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2.34	3.12	-0.78	-25.3

BIL.	BBN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
7.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	27.23	23.77	3.46	14.5
8.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	0.36	0.20	0.16	80.0
9.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	139.91	128.97	10.94	8.5
10.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	119.95	145.93	-25.98	-17.8
11.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	434.18	357.91	76.27	76.3
JUMLAH		3,177.00	3,119.47	57.53	1.8

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2017 dan 2018

7.1.6. Analisis Nisbah



1 BBN

Nisbah Semasa < 1
Lembaga Kemajuan
Tanah Negeri Sabah

Analisis nisbah menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan

- a. Analisis nisbah digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya semakin tinggi kadar nisbah semakin baik kecairan sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah adalah kurang daripada satu disebabkan liabiliti semasa yang tinggi dicatatkan bagi agensi tersebut. Sebahagian besar daripada liabiliti semasa Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah adalah Pemiutang Dagangan dan Lain-lain Pemiutang berjumlah RM105.26 juta. Bagaimanapun, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah memiliki jumlah aset sejumlah RM768.92 juta berbanding RM434.18 juta jumlah liabiliti pada tahun 2018 iaitu lebih sejumlah RM334.75 juta.

- b. Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pemiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi BBN adalah baik kerana nisbah berkenaan kurang daripada 100% bagi kesemua agensi. Analisis kecairan dan kestabilan 11 BBN bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN
BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2018

BIL.	BBN	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2.32	2.32	1,644.07	21.44	80.7
2.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	3.44	3.44	2.46	2.70	25.6
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	7.23	7.23	15.49	17.85	13.8
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	16.79	16.79	51.23	53.78	5.6
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	20.37	20.37	234.96	208.57	28.8
6.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	4.75	4.75	8.78	7.16	14.8
7.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	12.43	11.57	18.64	15.99	18.2

BIL.	BBN	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
8.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	17.49	17.43	5.94	6.10	3.6
9.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	1.69	1.64	84.43	71.45	59.0
10.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	3.21	3.21	90.36	112.74	20.2
11.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	0.65	0.65	-42.49	40.42	56.5

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

7.2. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2018, 11 BBN melabur RM1.879 bilion di 45 anak syarikat. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah melabur sejumlah RM212.20 juta dalam 15 syarikat, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah melabur sejumlah RM28.49 juta dalam sembilan (9) syarikat, Yayasan Sabah melabur sejumlah RM1.704 bilion dalam lima (5) syarikat, Lembaga

Industri Getah Sabah melabur sejumlah RM18.90 juta dalam empat (4) syarikat, Korporasi Pembangunan Desa Sabah melabur sejumlah RM1.57 juta dalam tiga (3) syarikat, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar melabur sejumlah RM8 juta dalam tiga (3) syarikat, Majlis Ugama Islam Sabah melabur sejumlah RM1.08 juta dalam dua (2) syarikat, Lembaga Pelancongan Sabah melabur sejumlah RM2.20 juta dalam satu (1) syarikat, Korporasi Kemajuan Nelayan Sabah melabur sejumlah RM799,332 dalam satu (1) syarikat, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah melabur sejumlah RM1,000 dalam satu (1) syarikat dan Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah melabur sejumlah RM5 dalam satu (1) syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat oleh BBN adalah seperti dalam **Jadual 14**.

Pelaburan 11 BBN dalam 45 anak syarikat
RM1.879 bilion

Pegangan ekuiti 100%
37 syarikat

Pegangan ekuiti >50%
8 syarikat

JADUAL 14
ANALISIS PELABURAN PADA KOS
DALAM ANAK SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2018

BIL.	BBN	ANAK SYARIKAT (100%)	ANAK SYARIKAT (>50%)	JUMLAH ANAK SYARIKAT	JUMLAH PELABURAN (RM)
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	10	5	15	212,201,108
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	8	1	9	28,488,803
3.	Yayasan Sabah	5	-	5	1,704,610,663
4.	Lembaga Industri Getah Sabah	4	-	4	18,900,002
5.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	1	2	3	1,572,000
6.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	3	-	3	8,002,044
7.	Majlis Ugama Islam Sabah	2	-	2	1,075,000
8.	Lembaga Pelancongan Sabah	1	-	1	2,196,536
9.	Korporasi Kemajuan Nelayan Sabah	1	-	1	799,332

BIL.	BBN	ANAK SYARIKAT (100%)	ANAK SYARIKAT (>50%)	JUMLAH ANAK SYARIKAT	JUMLAH PELABURAN (RM)
10.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	1	-	1	1,000
11.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	1	-	1	5
JUMLAH		37	8	45	1,878,846,493

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

7.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 11 BBN memiliki ekuiti melebihi 50% dalam 37 anak syarikat yang berstatus aktif dan lapan (8) anak syarikat yang berstatus dormant. Daripada 11 BBN, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 15 anak syarikat. Status anak syarikat BBN adalah seperti dalam **Jadual 15**.

37
Syarikat aktif

8
Syarikat dormant

15
Anak syarikat SEDCO

JADUAL 15
STATUS ANAK SYARIKAT YANG AKTIF DAN DORMAN PADA TAHUN 2018

BIL.	BBN	BILANGAN ANAK SYARIKAT (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
		STATUS AKTIF	STATUS DORMAN	JUMLAH SYARIKAT
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	4	-	4
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	6	3	9
3.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	1	-	1
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	1	-	1
5.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	3	-	3
6.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	-	1	1
7.	Korporasi Kemajuan Nelayan Sabah	1	-	1
8.	Korporasi Pembangunan Desa	-	3	3
9.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	14	1	15
10.	Yayasan Sabah	5	-	5
11.	Majlis Ugama Islam Sabah	2	-	2
JUMLAH		37	8	45

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2018, 11 BBN melabur dalam 45 anak syarikat. Sebanyak 16 daripada 45 anak syarikat mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM518.93 juta. Baki 29 termasuk lapan (8) anak syarikat yang dormant mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM340.50 juta. Tiga (3) anak syarikat yang mencatatkan keuntungan terkumpul tertinggi ialah anak syarikat Yayasan Sabah iaitu Innoprise Sdn. Bhd. sejumlah RM198.15 juta, anak syarikat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah iaitu Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd. sejumlah

RM108.50 juta dan anak syarikat Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah iaitu Batuluga Sdn. Bhd. sejumlah RM84.85 juta. Tiga (3) anak syarikat yang mencatatkan kerugian terkumpul tertinggi ialah anak syarikat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah iaitu Timplas Industries (M) Sdn. Bhd. sejumlah RM60.76 juta dan dua (2) anak syarikat Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah iaitu Keningau Agro-Venture Sdn. Bhd. sejumlah RM53.67 juta dan SLDB Management Sdn. Bhd. sejumlah RM32.19 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

Keuntungan
terkumpul 2018
16 anak syarikat
RM518.93 juta

Kerugian terkumpul
29 anak syarikat
RM340.50 juta

Keuntungan/kerugian
bersih 2018
45 anak syarikat
RM70.17 juta

JADUAL 16
ANALISIS KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL
ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	BBN	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN /KERUGIAN TERKUMPUL BERSIH TAHUN 2018 (RM Juta)
		BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	2	1.24	2	2.57	-0.99
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	-	-	9	142.97	-36.21
3.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	1	84.85	-	-	6.52
4.	Lembaga Pelancongan Sabah	1	5.34	-	-	0.29
5.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	1	5.24	2	7.42	-2.59
6.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah	-	-	1	0.12	-0.005
7.	Korporasi Kemajuan Nelayan Sabah	-	-	1	2.19	-0.20
8.	Korporasi Pembangunan Desa	-	-	3	7.10	-0.10
9.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	9	223.65	6	106.78	38.02
10.	Yayasan Sabah	1	198.15	4	71.29	66.13
11.	Majlis Ugama Islam Sabah	1	0.46	1	0.06	-0.69
JUMLAH		16	518.93	29	340.50	70.17

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Tahun 2018

7.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan



RM3.38 juta
Lebihan keseluruhan
PBT

11 PBT – lebihan
11 PBT - defisit

7.3.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, secara keseluruhannya prestasi penyata kewangan 22 PBT telah mencatatkan peningkatan lebihan sejumlah RM8.48 juta atau 166.3% berbanding tahun sebelumnya di mana lebihan keseluruhan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 sejumlah RM3.38 juta. Sebanyak 11 daripada 22 PBT mencatat lebihan manakala 11 PBT mencatat defisit bagi tahun 2018. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Sandakan mencatatkan

peningkatan lebih tinggi sejumlah RM6.57 juta bagi tahun berakhir 2018 daripada defisit sejumlah RM1.41 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM7.98 juta atau 565.9%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penambahan kawasan cukai perkadaran yang baru pada tahun 2018. Kedudukan prestasi kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17** dan kedudukan perubahan lebihan/defisit PBT bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

Terimaan
RM424.27 juta
Bayaran
RM420.89 juta
Lebihan
RM3.38 juta

JADUAL 17
PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PDA 31 DISEMBER 2018		
		PENERIMAAN (RM Juta)	PEMBAYARAN (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	HARTA (RM Juta)	TANGGUNGAN (RM Juta)	HARTA/TANGGUNGAN BERSIH (RM Juta)
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	142.01	139.04	2.97	54.59	39.54	15.05
2.	Majlis Perbandaran Tawau	45.01	50.98	-5.97	47.90	6.04	41.86
3.	Majlis Perbandaran Sandakan	76.43	69.86	6.57	19.75	17.80	1.95
4.	Majlis Daerah Penampang	25.43	25.08	0.35	52.17	2.94	49.23
5.	Majlis Daerah Lahad Datu	16.81	18.17	-1.36	30.54	0.94	29.60
6.	Majlis Daerah Putatan	8.60	9.90	-1.30	1.25	0.30	0.95
7.	Majlis Daerah Papar	10.64	10.27	0.37	3.08	1.72	1.36
8.	Majlis Daerah Beaufort	9.76	7.24	2.52	4.10	0.11	3.99
9.	Lembaga Bandaran Kudat	8.12	8.09	0.03	0.45	0.36	0.09
10.	Majlis Daerah Semporna	10.79	10.42	0.37	2.91	2.49	0.42
11.	Majlis Daerah Kota Marudu	5.21	4.61	0.60	1.31	0.81	0.50
12.	Majlis Daerah Tenom	8.88	9.60	-0.72	3.77	5.49	-1.72
13.	Majlis Daerah Ranau	3.29	4.00	-0.71	2.77	0.91	1.86
14.	Majlis Daerah Kunak	6.04	5.34	0.70	4.79	0.07	4.72
15.	Majlis Daerah Sipitang	6.48	4.94	1.54	4.90	0.08	4.82
16.	Majlis Daerah Kota Belud	10.91	11.69	-0.78	2.33	5.76	-3.43
17.	Majlis Daerah Nabawan	2.59	2.33	0.26	0.97	0.02	0.95
18.	Majlis Daerah Tambunan	5.03	5.15	-0.12	3.37	0.79	2.58
19.	Majlis Daerah Kuala Penyu	7.19	7.48	-0.29	1.10	0.48	0.62
20.	Majlis Daerah Pitas	1.21	1.24	-0.03	0.01	0.51	-0.50
21.	Majlis Daerah Beluran	7.82	8.86	-1.04	3.70	2.01	1.69

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PDA 31 DISEMBER 2018		
		PENERIMAAN (RM Juta)	PEMBAYARAN (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	HARTA (RM Juta)	TANGGUNGAN (RM Juta)	HARTA/TANGGUNGAN BERSIH (RM Juta)
22.	Majlis Daerah Kinabatangan	6.02	6.60	-0.58	2.02	2.03	-0.01
JUMLAH		424.27	420.89	3.38	247.78	91.20	156.58

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

JADUAL 18
KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/DEFISIT BAGI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018	2017	PERUBAHAN	
		LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2.97	-4.03	7.00	173.7
2.	Majlis Perbandaran Tawau	-5.97	-4.10	-1.87	45.6
3.	Majlis Perbandaran Sandakan	6.57	-1.41	7.98	565.9
4.	Majlis Daerah Penampang	0.35	6.07	-5.72	-94.2
5.	Majlis Daerah Lahad Datu	-1.36	0.32	-1.68	-525.0
6.	Majlis Daerah Putatan	-1.30	1.36	-2.66	-195.6
7.	Majlis Daerah Papar	0.37	-0.97	1.34	138.1
8.	Majlis Daerah Beaufort	2.52	0.56	1.96	350.0
9.	Lembaga Bandaran Kudat	0.03	-0.34	0.37	108.8
10.	Majlis Daerah Semporna	0.37	0.28	0.09	32.1
11.	Majlis Daerah Kota Marudu	0.60	0.40	0.20	50.0
12.	Majlis Daerah Tenom	-0.72	-0.10	-0.62	-620.0
13.	Majlis Daerah Ranau	-0.71	-0.49	-0.22	-44.9
14.	Majlis Daerah Kunak	0.70	-0.34	1.04	305.9
15.	Majlis Daerah Sipitang	1.54	-0.08	1.62	2025.0
16.	Majlis Daerah Kota Belud	-0.78	0.27	-1.05	-388.9
17.	Majlis Daerah Nabawan	0.26	-0.67	0.93	138.9
18.	Majlis Daerah Tambunan	-0.12	0.91	-1.03	-113.2
19.	Majlis Daerah Kuala Penyu	-0.29	-0.33	0.04	12.1
20.	Majlis Daerah Pitas	-0.03	-0.86	0.83	96.5
21.	Majlis Daerah Beluran	-1.04	-1.27	0.23	18.1
22.	Majlis Daerah Kinabatangan	-0.58	-0.28	-0.30	-107.1
JUMLAH		3.38	-5.10	8.48	166.3

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

7.3.2. Harta/Tanggungan Semasa Bersih

Pada 31 Disember 2018, harta semasa bersih bagi kesemua PBT adalah berjumlah RM156.58 juta iaitu meningkat sejumlah RM1.94 juta atau 1.3% berbanding pada 31 Disember 2017. Lapan belas (18) PBT mencatatkan peningkatan dalam harta semasa bersih manakala empat (4) PBT lagi mencatatkan pengurangan dalam harta semasa

bersih pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Empat (4) PBT mencatatkan tanggungan bersih pada tahun 2018 iaitu Majlis Daerah Tenom, Majlis Daerah Kota Belud, Majlis Daerah Pitas dan Majlis Daerah Kinabatangan. Kedudukan harta/tanggungan semasa bersih PBT pada tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
HARTA/TANGGUNGAN BERSIH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN DI NEGERI SABAH PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2018			TAHUN 2017		
		HARTA (RM Juta)	TANGGUNGAN (RM Juta)	HARTA/TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta)	HARTA (RM Juta)	TANGGUNGAN (RM Juta)	HARTA/TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	54.59	39.54	15.05	52.02	38.72	13.30
2.	Majlis Perbandaran Tawau	47.90	6.04	41.86	51.41	3.58	47.83
3.	Majlis Perbandaran Sandakan	19.75	17.80	1.95	13.05	17.67	-4.63
4.	Majlis Daerah Penampang	52.17	2.94	49.23	49.48	0.59	48.89
5.	Majlis Daerah Lahad Datu	30.54	0.94	29.60	32.29	1.32	30.97
6.	Majlis Daerah Putatan	1.25	0.30	0.95	2.38	0.12	2.25
7.	Majlis Daerah Papar	3.08	1.72	1.36	3.12	2.11	1.01
8.	Majlis Daerah Beaufort	4.10	0.11	3.99	1.61	0.12	1.49
9.	Lembaga Bandaran Kudat	0.45	0.36	0.09	1.27	1.21	0.05
10.	Majlis Daerah Semporna	2.91	2.49	0.42	0.71	0.66	0.05
11.	Majlis Daerah Kota Marudu	1.31	0.81	0.50	0.72	0.82	-0.11
12.	Majlis Daerah Tenom	3.77	5.49	-1.72	1.57	2.57	-1.00
13.	Majlis Daerah Ranau	2.77	0.91	1.86	5.28	2.75	2.53
14.	Majlis Daerah Kunak	4.79	0.07	4.72	4.06	0.04	4.02
15.	Majlis Daerah Sipitang	4.90	0.08	4.82	3.36	0.07	3.29
16.	Majlis Daerah Kota Belud	2.33	5.76	-3.43	3.96	6.61	-2.65
17.	Majlis Daerah Nabawan	0.97	0.02	0.95	0.71	0.02	0.69
18.	Majlis Daerah Tambunan	3.37	0.79	2.58	4.16	1.48	2.69
19.	Majlis Daerah Kuala Penyu	1.10	0.48	0.62	1.76	0.85	0.92
20.	Majlis Daerah Pitas	0.01	0.51	-0.50	0.13	0.58	-0.46
21.	Majlis Daerah Beluran	3.70	2.01	1.69	3.37	0.64	2.74
22.	Majlis Daerah Kinabatangan	2.02	2.03	-0.01	2.08	1.51	0.57
JUMLAH		247.78	91.20	156.58	238.50	83.86	154.64

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

7.3.3. Kutipan Cukai Taksiran dan Tunggakan Hasil Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawalan pentadbiran PBT mengikut Seksyen 82 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961. Cukai taksiran adalah penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah RM154.06 juta cukai taksiran telah diiktiraf oleh 22 PBT Negeri Sabah. Kutipan cukai taksiran tahun 2018 meningkat sejumlah RM8.10 juta atau 5.5% berbanding kutipan cukai taksiran pada tahun 2017. Kutipan cukai taksiran PBT bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	PBT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	75.59	71.22	4.37	6.1
2.	Majlis Perbandaran Tawau	20.04	20.29	-0.25	-1.2
3.	Majlis Perbandaran Sandakan	24.74	24.47	0.27	1.1
4.	Majlis Daerah Penampang	13.54	12.54	1.00	8.0
5.	Majlis Daerah Lahad Datu	6.47	6.64	-0.17	-2.6
6.	Majlis Daerah Putatan	2.13	3.31	-1.18	-35.6
7.	Majlis Daerah Papar	2.26	1.53	0.73	47.7
8.	Majlis Daerah Beaufort	2.06	1.19	0.87	73.1
9.	Lembaga Bandaran Kudat	1.23	0.75	0.48	64.0
10.	Majlis Daerah Semporna	1.43	0.92	0.51	55.4
11.	Majlis Daerah Kota Marudu	0.65	0.70	-0.05	-7.1
12.	Majlis Daerah Tenom	0.27	0.45	-0.18	-40.0
13.	Majlis Daerah Ranau	0.50	0.28	0.22	78.6
14.	Majlis Daerah Kunak	0.13	0.13	0.00	0.0
15.	Majlis Daerah Sipitang	2.57	1.18	1.39	117.8
16.	Majlis Daerah Kota Belud	0.09	0.09	0.00	0.0
17.	Majlis Daerah Nabawan	0.22	0.01	0.21	2100.0
18.	Majlis Daerah Tambunan	0.07	0.11	-0.04	-36.6
19.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.04	0.10	-0.06	-60.0
20.	Majlis Daerah Pitas	0.03	0.04	-0.01	-25.0
21.	Majlis Daerah Beluran*	0.00	0.01	-0.01	-100.0
22.	Majlis Daerah Kinabatangan**	-	-	-	-
JUMLAH		154.06	145.96	8.10	5.5

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

Nota: (*) Amaun hasil Majlis Daerah Beluran Tahun 2018 berjumlah RM4,010

(**) Majlis Daerah Kinabatangan belum mengenakan Cukai Perkara Am/Cukai Taksiran



RM147.59 juta

tunggakan hasil cukai
taksiran

peningkatan tunggakan
RM6.61 juta atau 4.7%

10 PBT - tunggakan hasil
cukai meningkat
berbanding tahun 2017

- b. Penyata kewangan bagi 22 PBT menunjukkan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM147.59 juta iaitu peningkatan sejumlah RM6.61 juta atau 4.7% berbanding tahun sebelumnya. Analisis terhadap tunggakan hasil cukai taksiran mendapati 10 PBT telah mencatatkan peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Antara sebab peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran ialah sikap pemilik pegangan yang tidak

prihatin dan kurang mengambil berat tanggungjawab untuk membayar cukai. Selain itu, maklumat mengenai perkadaran tidak dikemas kini menyebabkan ada pegangan yang sudah tidak wujud tetapi bil masih dikeluarkan. Kedudukan terperinci tunggakan hasil cukai taksiran bagi tahun 2017 dan 2018 seperti **Jadual 21**.

JADUAL 21
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL.	PBT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Nabawan	0.02	0.02	0.00	0.0
2.	Majlis Perbandaran Tawau	9.83	8.54	1.29	15.1
3.	Majlis Daerah Kota Marudu	2.78	1.48	1.30	87.8
4.	Majlis Daerah Kota Belud	0.55	0.58	-0.03	-5.2
5.	Lembaga Bandaran Kudat	3.02	1.84	1.18	64.1
6.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.12	0.14	-0.02	-14.3
7.	Majlis Daerah Tenom	1.37	1.25	0.12	9.6
8.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	61.66	65.24	-3.58	-5.5
9.	Majlis Daerah Tambunan	0.13	0.11	0.02	18.2
10.	Majlis Daerah Papar	7.24	6.28	0.96	15.3
11.	Majlis Daerah Sipitang	0.04	0.06	-0.02	-33.3
12.	Majlis Daerah Beaufort	3.36	3.59	-0.23	-6.4
13.	Majlis Daerah Kunak	0.29	0.33	-0.04	-12.1
14.	Majlis Perbandaran Sandakan	38.08	34.42	3.66	10.6
15.	Majlis Daerah Lahad Datu	1.80	1.84	-0.04	-2.2
16.	Majlis Daerah Penampang	8.70	7.55	1.15	15.2
17.	Majlis Daerah Putatan	5.36	4.57	0.79	17.3
18.	Majlis Daerah Pitas	0.14	0.14	0.00	0.0
19.	Majlis Daerah Ranau	0.54	0.84	-0.30	-35.7
20.	Majlis Daerah Semporna	2.56	2.16	0.40	18.0
21.	Majlis Daerah Beluran*	0.00	0.00	0.00	0.0
22.	Majlis Daerah Kinabatangan**	0.00	0.00	0.00	0.0
JUMLAH		147.59	140.98	6.61	4.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

Nota: (*) Majlis Daerah Beluran tidak mempunyai tunggakan

(**) Majlis Daerah Kinabatangan belum mengenakan Cukai Perkara Am

7.3.4. Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Kutipan Cukai Taksiran Tahunan

Kutipan cukai taksiran

RM154.06 juta

Tunggakan cukai taksiran

RM147.59 juta

Tunggakan berbanding
kutipan cukai taksiran

95.8%

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah pendapatan bagi 22 PBT adalah RM154.06 juta. Tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM147.59 juta. Sebanyak 18 PBT mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi 25% daripada kutipan cukai taksiran tahunan. Peningkatan tunggakan cukai taksiran perlu diambil tindakan serius untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan semasa Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding kutipan cukai taksiran bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
BERBANDING KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	PBT	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BERBANDING KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (%)
1.	Majlis Daerah Nabawan	0.02	0.22	9.1
2.	Majlis Perbandaran Tawau	9.83	20.04	49.1
3.	Majlis Daerah Kota Marudu	2.78	0.65	427.7
4.	Majlis Daerah Kota Belud	0.55	0.09	611.1
5.	Lembaga Bandaran Kudat	3.02	1.23	245.5
6.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.12	0.04	300.0
7.	Majlis Daerah Tenom	1.37	0.27	507.4
8.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	61.66	75.59	81.6
9.	Majlis Daerah Tambunan	0.13	0.07	185.7
10.	Majlis Daerah Papar	7.24	2.26	320.4
11.	Majlis Daerah Sipitang	0.04	2.57	1.6
12.	Majlis Daerah Beaufort	3.36	2.06	163.1
13.	Majlis Daerah Kunak	0.29	0.13	223.1
14.	Majlis Perbandaran Sandakan	38.08	24.74	153.9
15.	Majlis Daerah Lahad Datu	1.80	6.47	27.8
16.	Majlis Daerah Penampang	8.70	13.54	64.3
17.	Majlis Daerah Putatan	5.36	2.13	251.6
18.	Majlis Daerah Pitas	0.14	0.03	466.7
19.	Majlis Daerah Ranau	0.54	0.50	108.0
20.	Majlis Daerah Semporna	2.56	1.43	179.0
21.	Majlis Daerah Beluran*	0.00	0.00	0.0
22.	Majlis Daerah Kinabatangan**	0.00	0.00	0.0
JUMLAH		147.59	154.06	95.8

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

Nota: (*) Amaun pendapatan Majlis Daerah Beluran berjumlah RM4,010

(**) Majlis Daerah Kinabatangan belum mengenakan Cukai Perkara Am

8. RUMUSAN AUDIT

8.1. Secara keseluruhannya, sebanyak 22 penyata kewangan Agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, tujuh (7) diberi pendapat berdasarkan *Emphasis of Matter* dan lima (5) Pendapat Berteguran.

8.2. Prestasi kewangan Agensi adalah seperti berikut:

8.2.1. sebanyak 21 PBT, 11 BBN dan dua (2) MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2018 dalam tempoh yang ditetapkan untuk diaudit;

8.2.2. empat (4) BBN dan empat (4) PBT lewat mengemukakan penyata kewangan tahun 2018 untuk diaudit tetapi mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Negeri Sabah;

8.2.3. dua (2) BBN mengemukakan penyata kewangan tahun 2018 untuk diaudit melebihi tempoh yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah;

8.2.4. satu (1) BBN belum mengemukakan penyata kewangan kerana Lembaga Pemegang Amanah yang baru belum dilantik;

8.2.5. setakat 31 Ogos 2019, kesemua 43 penyata kewangan agensi bagi tahun 2017 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. Enam (6) daripada 33 penyata kewangan agensi bagi tahun 2018 yang telah disahkan telah dibentangkan. Satu (1) penyata kewangan MAI tidak dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri kerana Akta Tubuhnya tidak menghendakinya berbuat demikian;

8.2.6. lebih pendapatan tahun semasa 11 BBN meningkat sejumlah RM68.53 juta atau 123.9%. Lebih terkumpul turut meningkat sejumlah RM100.30 juta atau 9.5% berbanding tahun 2017;

8.2.7. jumlah Aset 11 BBN meningkat sejumlah RM163.72 juta atau 3.3%. Aset Semasa Bersih juga meningkat RM26.22 juta atau 0.7%;

8.2.8. sebanyak 16 anak syarikat yang aktif di bawah tujuh (7) BBN mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM518.93 juta, manakala 29 anak syarikat di bawah sembilan (9) BBN mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM340.50 juta;

8.2.9. sebanyak 11 daripada 25 PBT mencatat defisit di antara RM30,000 hingga RM5.97 juta;

8.2.10. kutipan cukai taksiran tahun 2018 meningkat sejumlah RM8.10 juta atau 5.5%; dan

8.2.11. pada tahun 2018, tunggakan cukai taksiran mencatat peningkatan sejumlah RM6.61 juta atau 4.7%. Sebanyak 18 PBT mencatat tunggakan cukai taksiran melebihi 25% daripada jumlah kutipan cukai taksiran tahunan.

9. SYOR AUDIT


Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

9.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;

9.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;

9.3. agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan; dan

9.4. agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas bagi tujuan yang ditetapkan.



BAHAGIAN IV

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

FAKTA UTAMA PEMBENTANGAN LKAN DAN MESYUARAT PAC

2 Mesyuarat PAC	14 Laporan dibentang
Pembentangan LKAN	Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan: Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri.

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2016 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2016 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 3 Julai 2018. Manakala Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2 serta Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2017 dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 13 Disember 2018.

3 Julai 2018

- Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2016
- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/ Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2016 Siri 2

13 Disember 2018

- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/ Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2017 Siri 1
- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/ Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2017 Siri 2
- Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2017

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Pada tahun 2018, Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) Negeri Sabah telah bermesyuarat sekali pada 1 hingga 2 Mac 2018 bagi mendengar penjelasan daripada kementerian/jabatan/agensi kerajaan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan 2015 yang masih belum selesai di dalam sistem *AG Dashboard*. Jawatankuasa Tetap Dewan Undangan Negeri yang dipengerusikan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah telah melantik Jawatankuasa Kira-Kira Awam Negeri Sabah yang baharu bagi penggal yang Ke Lima Belas pada 12 Disember 2018.

2.2. Pada tahun 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sabah yang pertama telah diadakan pada 29 Januari 2019 bagi mendengar sesi taklimat oleh Pengarah Audit Negeri Sabah mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 2 serta Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2. Ringkasan aktiviti Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sabah adalah seperti dalam **Jadual 1**.

1 - 2 Mac 2018

PAC mendengar penjelasan daripada kementerian/jabatan/agensi negeri mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan 2015 dan selesai di dalam sistem *AG Dashboard*

12 Disember 2018

Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sabah yang Kelima Belas

29 Januari 2019

Taklimat oleh Pengarah Audit Negeri Sabah kepada PAC:

- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Tahun 2016 dan 2017
- Pengurusan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1


JADUAL 1
AKTIVITI JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI SABAH PADA TAHUN 2018 DAN 2019

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	1-2 Mac 2018 (PAC Siri 1/2018)	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	Sesi mendengar keterangan kementerian/jabatan/agensi negeri. ➤ Pengurusan Pengenaan dan Kutipan Cukai Taksiran - Prestasi kutipan cukai taksiran tahunan. - Tempoh cukai taksiran tertunggak. - Tindakan kutipan tunggakan cukai taksiran.
		Jabatan Hidupan Liar Sabah	➤ Pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi - Kerja pembaikan dan menaik taraf eksibit haiwan tidak dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian. - Perbelanjaan tanpa peruntukan. - Bil lewat dibayar. - Lebihan bayaran bagi kontrak bekalan makanan haiwan.
		Pihak Berkuasa Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)	➤ Pengurusan Pusat Ternakan Bersepadu Keningau - Sasaran pengeluaran susu tidak tercapai - Pengisian guna tenaga kritikal tidak dibuat.

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
		Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.	➤ Pengurusan Syarikat Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. - Enam syarikat subsidiari yang aktif mengalami defisit antara RM0.55 juta hingga RM72.66 juta. - Tujuh syarikat subsidiari yang ditubuhkan antara tahun 1997 hingga 2011 dan satu syarikat bersekutu berstatus dormant.
		Perkasa Trading Sdn. Bhd.	➤ Pengurusan Syarikat Perkasa Trading Sdn. Bhd. - Stok bernilai RM6.20 juta yang usang belum dilupus. - <i>Standard Operating Procedures (SOP)</i> tidak lengkap dan tidak dikemaskini sejak tahun 1986.
		Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	➤ Kajian Pengurusan Tanah Wakaf MUIS - Prestasi perletakan hak.
2.	12 Disember 2018		➤ Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri Sabah yang Ke Lima Belas Pengerusi :YB. Datuk Abidin Madingkir Ahli: YB. Tuan Jamawi Bin Jaafar YB. Tuan Tan Lee Fatt YB. Tuan Terrence Siambun YB. Puan Julita Majungki YB. Datuk Bolkiah Bin Ismail YB. Tuan Robert Tawik @ Nordin YB. Tuan Matbali Hj. Musah
3.	29 Januari 2019 (PAC Siri 1/2019)	Jabatan Audit Negara Negeri Sabah	Sesi taklimat oleh Pengarah Audit Negeri Sabah mengenai status penyata kewangan yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. ➤ Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sabah Tahun 2016 & 2017. ➤ Pengurusan Aktiviti Kementerian/Jabatan/ Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2016 Siri 2:- i) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH Pengurusan Aktiviti Penswastan Pelabuhan ii) JABATAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM SABAH Pengurusan Skim Bantuan Am iii) JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH Pengurusan Hasil Daripada Aktiviti Penuaian Sarang Burung Layang-layang

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
			➤ Pengurusan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 1:- i) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT Pengurusan Program Latihan dan Kursus ICT ii) JABATAN KERJA RAYA NEGERI SABAH Pembinaan Bangunan Mahkamah Anak Negeri iii) KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SERTA MAJLIS DAERAH RANAU Pengurusan Perolehan iv) PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH Sedco Communications Sdn. Bhd.

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah dan agensi bagi tahun 2018 adalah baik. Kedudukan kewangan kerajaan negeri bagi 31 Disember 2018 berada di tahap kukuh dengan peningkatan dalam Kumpulan Wang Disatukan. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing adalah pada tahap baik dan memuaskan. Prestasi kewangan kerajaan negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. kerajaan negeri disarankan meneruskan usaha mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat;
- b. ketua jabatan/ketua agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan;
- c. ketua jabatan perlu mempertingkatkan sistem semak dan imbang, pemantauan yang lebih kerap dan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai membuat keputusan berkaitan pengurusan kewangan tanpa pengetahuan yang sewajarnya; dan
- d. jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
21 Oktober 2019**

LAMPIRAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 12.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Sabah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan negeri Sabah adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Sabah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenai pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Sabah.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Sabah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Audit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sabah memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Acara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Sabah telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
31 MEI 2019




PERNYATAAN SETIAUSAHA TETAP KEMENTERIAN KEWANGAN DAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- (a) Mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting dan;
- (b) Dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Sabah.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah 2018.


HAJI RUSDIN RIMAN
Bendahari Negeri Sabah

31 Januari 2019


DATUK BAHARI BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

31 Januari 2019

LAMPIRAN III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2018


<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2018</u>	<u>2017</u>
		RM	RM
WANG AWAM			
A WANG TUNAI	8	598,755,736	293,232,882
B PELABURAN	9		
• Lebihan Wang Tunai		2,715,160,178	
• Sinking Fund Investment (Bon)		460,278,000	
		<u>3,175,438,178</u>	<u>2,510,060,178</u>
		<u>3,774,193,914</u>	<u>2,803,293,060</u>
DIPEGANG BAGI: KUMPULAN WANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	10	3,860,045,794	3,797,467,694
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	11	-	-
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	12	(85,851,880)	(994,174,634)
		<u>3,774,193,914</u>	<u>2,803,293,060</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.



HAJI RUSDIN RIMAN
Bendahari Negeri Sabah

31 Januari 2019



DATUK BAHARI HAJI HASSAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah


31 Januari 2019

LAMPIRAN IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI seperti pada 31 Disember 2018

	2018 RM	2017 RM
TERIMAAN		
Hasil		
Hasil Cukai	1,060,093,907.98	1,244,775,776.17
Hasil Bukan Cukai	2,682,205,096.94	2,241,263,159.29
Terimaan Bukan Hasil	<u>418,556,662.02</u>	<u>401,011,739.25</u>
	4,158,855,666.94	3,887,050,674.71
Pinjaman		
Wang Pinjaman Persekutuan	68,169,821.39	220,338,725.74
Bon Terbitan	-	-
	68,169,821.39	220,338,725.74
Terimaan Lain		
Terimaan Amanah	804,875,481.46	241,169,495.84
Bayaran Balik Pemberian Persekutuan	38,458,744.84	35,830,605.09
Hasil Pembangunan Yang Lain	<u>48,350,099.40</u>	<u>34,174,000.00</u>
	891,684,325.70	311,174,100.93
Jumlah Terimaan	<u>5,116,709,814.03</u>	<u>4,418,563,501.38</u>
BAYARAN		
Perbelanjaan Mengurus		
Emolument	706,145,525.78	711,907,885.86
Perkhidmatan dan Bekalan	982,573,274.45	1,056,156,437.90
Aset	229,240,428.53	228,975,332.74
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	546,511,748.71	472,483,688.78
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	<u>638,134,780.66</u>	<u>370,404,976.34</u>
	3,102,605,758.13	2,839,928,299.62
Perbelanjaan Pembangunan		
Bayaran Balik Persekutuan	38,458,744.84	34,496,674.38
Pinjaman Persekutuan	100,723,487.42	259,788,004.54
Kumpulan Wang Negeri	<u>712,349,160.96</u>	<u>703,256,404.32</u>
	851,531,393.22	997,541,283.24
Perbelanjaan Modal		
Pelaburan Deposit Tetap	205,100,000.00	307,792,445.00
Sinking Fund Investment (Bon)	<u>450,278,000.00</u>	<u>202,000,000.00</u>
	655,378,000.00	509,792,445.00
Bayaran Balik Pinjaman		
Pinjaman Dalam Negeri	193,671,810.95	190,464,186.72
Pinjaman Luar Negeri	-	-
Bon Terbitan	<u>-</u>	<u>-</u>
	193,671,810.95	190,464,186.72
Jumlah Bayaran	<u>4,813,186,960.30</u>	<u>4,537,726,214.58</u>
Tambahan/(Kurang) Wangtunai	<u>305,522,853.73</u>	<u>(119,162,713.20)</u>
Wangtunai Pada 01 Januari	293,232,882.24	412,395,595.44
Tambah/(Kurang) Wangtunai	<u>305,522,853.73</u>	<u>(119,162,713.20)</u>
WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER	<u>598,755,735.97</u>	<u>293,232,882.24</u>

Penyata Penerimaan dan Pembayaran ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan


HAJI RUSDI RIMAN
Bendahari Negeri Sabah

31 Januari 2019


DATUK BAHARI BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

31 Januari 2019

LAMPIRAN V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	<u>Nota</u> 14	<u>2018</u> Anggaran RM	<u>2018</u> Sebenar RM	<u>2017</u> Sebenar RM
HASIL		4,455,166,510.00	4,313,834,332.57	4,177,394,005.54
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus		4,706,802,837.38	3,296,277,567.08	3,030,392,486.34
LEBIHAN HASIL		(251,636,327.38)	1,017,556,765.49	1,147,001,519.20
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan		151,634,430.00	851,531,393.22	997,541,283.24
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(403,270,757.38)	166,025,372.27	149,460,235.96
DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri			68,169,821.39	220,338,725.74
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan			23,881,917.97	1,064,698.55
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			73,973,632.91	(71,943,188.33)
JUMLAH PEMBIAYAAN			166,025,372.27	149,460,235.96

Penyata Prestasi Kewangan ini hendaklah dibaca dengan penyata dan nota yang dilampirkan.



HAJI RUSDIN RIMAN
Bendahari Negeri Sabah

31 Januari 2019



DATUK BAHARI BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

31 Januari 2019

LAMPIRAN VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2018


<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2018</u>	<u>2017</u>
		RM	RM
MEMORANDUM ASET			
F1 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	15a	1,203,439,927.22	1,156,091,636.47
F2 PELABURAN	15b	6,663,737,188.62	6,576,742,272.54
MEMORANDUM LIABILITI			
G1 HUTANG AWAM	16a	3,794,128,620.44	3,871,699,933.23

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.



HAJI RUSDIN RIMAN
Bendahari Negeri Sabah

31 JANUARI 2019



DATUK BAHARI BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

31 JANUARI 2019

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

**DASAR DAN KAEDAH
PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI YANG PENTING**

1. Dasar Perakaunan

Dasar Perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

2. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Negeri disediakan berasaskan tunai ubahsuai.

3. Kaedah Perakaunan

Kaedah Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada Perlembagaan Negeri, iaitu:-

- a. Segala hasil atau wang yang diperoleh atau diterima yang seumpamanya hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Negeri Disatukan (Fasal 29 Perlembagaan Negeri); dan
- b. Tiada wang kecuali perbelanjaan liabiliti tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri.

4. Pembentangan Penyata Kewangan Negeri

Penyata Kewangan yang disediakan adalah mengikut kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) Seksyen 16(1) seperti berikut:-

- a. Akaun Hasil Disatukan.
- b. Akaun Pinjaman Disatukan.
- c. Akaun Amanah Disatukan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

- d. Kumpulan Wang lain di bawah Seksyen 10.
- e. Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti.

Persembahan Penyata Kewangan adalah selaras dengan format Penyata Kewangan Persekutuan.

5. Entiti Perakaunan

Entiti Perakaunan adalah terdiri daripada semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan adalah untuk suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir 31 Disember setiap tahun seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak).

7. Urusniaga dalam Matawang Asing

Urusniaga dilaksanakan dalam matawang asing diakaunkan berdasarkan nilai setara dalam Ringgit Malaysia yang sebenar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada masa pertukaran dibuat. Urusniaga lain yang dilaksana dalam matawang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia atas kadar piawai yang ditetapkan oleh Akauntan Negara. Keuntungan dan kerugian akibat terjemahan matawang asing diselaraskan kepada akaun hasil.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

8. Wang Tunai

Wang Tunai adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

9. Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan pelaburan Sinking Fund (Bon). Pelaburan diambil kira pada nilai buku.

10. Akaun Hasil Disatukan

a. Akaun Hasil

Kutipan Hasil diakaunkan berdasarkan asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar hasil yang diterima.

b. Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus yang terdiri daripada perbelanjaan bagi maksud Liabiliti dan Bekalan adalah merupakan semua kenaan kepada peruntukan Anggaran bagi bayaran seperti berikut:-

- i. Gaji-gaji, barang-barang dan perkhidmatan;
- ii. Pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman; dan
- iii. Pemberian kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Perbelanjaan bagi Maksud Liabiliti terdiri daripada perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

11. Akaun Pinjaman Disatukan

Pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan di bawah undang-undang Negeri. Terimaan daripada pinjaman dipindah kepada Hasil

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

Pembangunan dan Hasil Disatukan bergantung kepada tujuan pinjaman tersebut. Hutang Awam seperti yang dilaporkan dalam Penyata Memorandum terdiri daripada baki belum selesai.

12. Akaun Amanah Disatukan

a. *Kumpulan Wang Pembangunan*

Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan. Terimaan bagi kumpulan wang ini adalah terdiri daripada Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, Caruman Negeri daripada Anggaran Perbekalan, Pemberian Persekutuan, Pemberian Balik (imbuhan balik) daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pembangunan dan bayaran balik pinjaman mengikut Seksyen 2(c) Akta Kumpulan Wang Pembangunan No.70 (1966). Perbelanjaan daripada Kumpulan Wang ini merangkumi perbelanjaan langsung pinjaman dan imbuhan balik.

b. *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan*

Ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) bagi maksud tertentu selaras dengan Akta Prosedur Kewangan. Kumpulan wang ini bercorak Kumpulan Wang Pusingan yang diwujudkan daripada wang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri untuk dikeluarkan dari Kumpulan Wang Negeri Disatukan.

c. *Akaun Kena Bayar*

Akaun Kena Bayar merupakan jumlah yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2018 di mana bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun 2019.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

d. Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas

Ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak). Kumpulan wang ini diamanahkan kepada Kerajaan untuk maksud tertentu dan dilaburkan dalam Simpanan Tetap.

e. Akaun Wang Amanah Pelbagai

Wang Amanah ini yang diamanahkan kepada Kerajaan bagi maksud tertentu dan Akaun Amanah ini akan ditutup sebaik sahaja maksudnya telah dicapai.

f. Wang Deposit

Akaun Wang Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan wang yang diterima secara potongan daripada gaji kakitangan Kerajaan Negeri di bawah undang-undang tertentu atau mengikut arahan daripada Kementerian Kewangan Negeri. Wang yang diterima daripada orang awam akan dipegang untuk jangka masa tertentu dan akan dibayar kembali atau dijadikan hasil apabila ianya tidak dikehendaki lagi. Bagi wang yang diterima dari potongan gaji, ianya akan dibayar daripada Akaun Wang Deposit mengikut undang-undang tertentu atau arahan Kementerian Kewangan Negeri.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

13. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dan terimaan lain. Bayaran wang tunai terdiri daripada bayaran perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

14. Penyata Prestasi Kewangan

Lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya menunjukkan kedudukan prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sabah.

AKAUN MEMORANDUM

15. Akaun Memorandum - Aset

Perolehan Aset yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan mengikut asas tunai, seperti pelaburan, hutang boleh dituntut dan tunggakan hasil tidak dilaporkan sebagai aset di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

a. Pinjaman Boleh Dituntut

Baki pinjaman diberi yang masih belum dibayar balik kepada Kerajaan dan boleh dituntut pembayarannya daripada peminjam.

b. Pelaburan

Pelaburan Kerajaan dalam Badan-badan Berkanun, Syarikat dan Agensi-agensi lain dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

16. Akaun Memorandum - Liabiliti

Baki hutang Kerajaan yang belum kena bayar tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan mengikut asas tunai, seperti Hutang Awam dan Jaminan Kerajaan.

a. Hutang Awam

Hutang Awam terdiri daripada baki hutang kepada Kerajaan Persekutuan yang belum selesai dan bon yang diterbitkan oleh Kerajaan.

17. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima merupakan Tunggakan Hasil sejumlah RM508,779,620.70 yang sepatutnya diterima oleh kerajaan tetapi belum diterima.

The background features a teal color palette. The upper portion is a solid teal with a fine white grid pattern. The lower portion is composed of several overlapping, wavy, organic shapes in various shades of teal, blue, and dark grey, creating a layered, fluid effect.

AKRONIM

AKRONIM

AP	Arahan Perbendaharaan
BT	Belum Terima
BBN	Badan Berkanun Negeri
DBKK	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
ISSAI	<i>The International Standards of Supreme Audit Institution</i>
FRS	<i>Financial Reporting Standards</i>
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JANS	Jabatan Air Negeri Sabah
JBNS	Jabatan Bendahari Negeri Sabah
JKM	Jabatan Ketua Menteri
JKR	Jabatan Kerja Raya
KO-NELAYAN	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPI	Kementerian Pembangunan Infrastruktur
LBK	Lembaga Bandaran Kudat
LKTNS	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah
LPPS	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah
LPPB	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar
LSNS	Lembaga Sukan Negeri Sabah
MAI	Majlis Agama Islam
MAFI	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah
MASB	<i>Malaysian Accounting Standards Board</i>
MFRS	<i>Malaysian Financial Reporting Standards</i>
MOF	Kementerian Kewangan Negeri Sabah
MPERS	<i>Malaysian Private Entity Reporting Standards</i>
MPSAS	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i>
MUIS	Majlis Ugama Islam Sabah
PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Awam Negeri Sabah
PPS	Perbadanan Pinjaman Sabah
SAFMA	<i>Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.</i>
SEDCO	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 1-5,
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya, Malaysia

